



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*Senate*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

---

**Jilid I                      Bil. 35                      Hari Jumaat                      11hb Disember, 1987**

---

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

**Y.B. Dr. Ng Khok Kiung** (Ruangan 1)

PENGUMUMAM TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

**Mengalu-alukan Ahli Baru** (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perindustrian Nanas (Pindaan)** (Ruangan 37)

**Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan)** (Ruangan 70)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Jumaat, 11hb Disember, 1987**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang**

**DOA**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan.

Dr. Ng Khok Kiung.

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PROJEK BEKALAR AIR KEPADA KONTRAKTOR**

**1. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah jumlah nilai projek-projek bekalan air yang telah diberikan kepada pemborong-pemborong bukan-bumiputera dan syarikat-syarikat asing dari luar negeri.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1987 ini iaitu sehingga bulan Oktober, nilai projek-projek bekalan air yang telah ditawarkan kepada kontraktor-

kontraktor bukan bumiputera dan syarikat-syarikat asing adalah seperti berikut:-

- (i) sebanyak 28 projek bernilai \$90.5 juta telah ditawarkan kepada kontraktor bukan bumiputera;
- (ii) satu projek bernilai \$1,400 juta ditawarkan kepada Antah-Biwater joint venture, dengan izin, iaitu sebuah syarikat usaha sama di antara kontraktor tempatan dengan kontraktor dari negara Britain.

#### PROJEK NEGERI SEMBILAN TIMUR (NST)

2. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Pertanian memberi penjelasan berhubung dengan projek Negeri Sembilan Timur (NST) sejak mula ianya diwujudkan hingga sekarang apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai:

- (i) berapakah luas daerah yang terlibat dan apakah projek-projek yang telah dijalankan dan berapa banyak perbelanjaannya;
- (ii) apakah hasil pulangan yang didapati dari hasil projek itu;
- (iii) apakah jenis tanaman-tanaman yang telah diusahakan dan luas daerah yang terlibat; dan
- (iv) berapakah panjangnya jalan-jalan yang telah dibina dan dengan mendapat angka-angkanya sejak ditubuhkan pada tahun 1980 hingga tahun 1986.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]:** Tuan Yang di-Pertua, projek pembangunan pertanian bersepadu Negeri Sembilan Timur merangkumi kawasan seluas 513,000 hektar dan meliputi kawasan-kawasan Daerah Kuala Pilah, Jempul, Jelevu, Tampin serta Rembau. Projek-projek yang telah dijalankan serta perbelanjaannya adaiah seperti berikut:-

<b>Projek</b>	<b>Perbelanjaan Kumulatif Sehingga Ogos 1987 (\$ juta)</b>
A) Pembangunan Ladang	
i) Estet Padi Pekebun Kecil	1.55
i.i) Pembangunan Kelapa Sawit	0.73
iii) Pembangunan Koko	0.61
iv) Pemulihan Skim-skim Pengairan dan saliran	0.65
v) Perparitan untuk Kolam Ikan	0.18
vi) Pembinaan Jalan Ladang	7.96
vii) Pengurusan	5.72
B) Penanaman Semula Getah	21.04
C) Pembangunan Ternakan	4.30
D) Pembangunan Akuakultur	1.90
E) Penyelidikan Pertanian	0.61
F) Pengembangan dan Sokongan Teknikal	5.73
G) Perkhidmatan Pertubuhan Peladang	4.44
H) Perkhidmatan Pemasaran	0.78
I) Pembinaan Bangunan	7.80
j) Pengurusan Projek	4.80
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>\$68.8 juta</b>

Bagi tanaman padi yang kedua pulangan hasil-hasil dari projek ini belumlah lagi dapat dibuat perkiraan secara tepat kerana projek-projek pembangunan kelapa sawit dan koko belum lagi mengeluarkan hasilnya.

Bagi soalan yang ketiga, jenis-jenis tanaman utama yang telah diusahakan dan luas daerah yang terlibat adalah seperti berikut:-

<b>Daerah</b>	<b>Kelapa Sawit (ha.)</b>	<b>Koko (ha.)</b>	<b>Getah (Ha.)</b>	<b>Buah—buahan (ha.)</b>
<b>Kuala Pilah</b>	<b>874</b>	<b>267</b>	<b>2,425</b>	<b>22</b>
<b>Jelebu</b>	<b>226</b>	<b>342</b>	<b>2,255</b>	<b>97</b>
<b>Jempul</b>	<b>129</b>	<b>300</b>	<b>1,456</b>	<b>8</b>
<b>Rembau</b>	<b>221</b>	<b>178</b>	<b>1,616</b>	<b>-</b>
<b>Tampin</b>	<b>146</b>	<b>284</b>	<b>1,257</b>	<b>44</b>
<b>Jumlah</b>	<b>1,596</b>	<b>1,371</b>	<b>9,009</b>	<b>171</b>

Panjangnya jalan-jalan ladang yang telah dibina di bawah projek ini ialah sejauh 168 kilometer. Angka-angka jalan ladang yang siap dibina sejak projek dilaksanakan pada tahun 1981 sehingga 1986 ialah tahun 1981 hingga 1984 = 32 kilometer, 1985 hingga 1986 - 51 kilometer.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang di-Pertua, apakah strategi-strategi pemasaran yang telah dirancangkan supaya pengeluaran hasil daripada Projek Negeri. Sembilan Timur ini mendapat pasaran yang baik.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, soal pemasaran ini kami sentiasa berhubung rapat dengan FAMA dan pihak FAMA pada hari ini boleh dikatakan menjalankan kegiatannya begitu cekap sekali. Insyallah, saya rasa segala prudaksi atau prudaktiviti yang dikeluarkan di sana dapat kita pasarkan di tempat-tempat yang tertentu.

#### NAJIS DADAH - MENGHAPUSKAN

3. **Tuan Shaik Dawood** minta Perdana Menteri menyatakan sambutan negara-negara lain mengenai langkah untuk menghapuskan najis dadah setelah beliau menghadiri Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Najis Dadah.

33. **Tuan Lim Heng Tee** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pencapaian yang diperolehi di Persidangan Mencegah Penyalahgunaan Dadah Antarabangsa yang dihidirinya baru-baru ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan No. 33 daripada Yang Berhormat Tuan Lee Heng Tee oleh kerana kedua-dua pertanyaan adalah berkaitan dengan penyertaan saya di Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Najis Dadah di Vienna, Austria yang berlangsung daripada 17 hingga 26 Jun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sambutan negara-negara lain terhadap langkah-langkah untuk menghapuskan najis dadah amatlah memuaskan. Ini terbukti daripada kehadiran 138 buah negara dan 173 buah organisasi bukan Kerajaan di Persidangan tersebut.

Persidangan ini dengan suara sepakat telah melantik Malaysia sebagai Pengerusi Persidangan. Ini merupakan satu penghormatan besar kepada negara kita. Ianya juga merupakan pengiktirafan masyarakat- antarabangsa atas usaha-usaha gigih Malaysia dan ketegasan kita dalam membendung wabak dadah.

Sambutan baik ini terbukti lagi apabila kedua-dua dokumen yang dihasilkan oleh Persidangan iaitu Garispanduan Komprehensif dan Pelbagai Disiplin Bagi Tindakan Masa Hadapan Untuk Mengawal Penagihan dan Pengedaran Dadah (Comprehensive Multidisciplinary Outline of Future Activities in Drug Abuse Control atau (CMO) dan Deklarasi Politik (Political Declaration) diterima dengan sebulat suara oleh negara-negara yang menghadiri Persidangan.

Dokumen CMO mengandungi langkah-langkah yang harus diambil oleh negara-negara untuk membanteras masalah najis dadah. CMO ini bukan sahaja menekankan kepada usaha/tindakan yang perlu diambil di peringkat antarabangsa dan serantau, tetapi juga tentang usaha-usaha yang lebih gigih dan terselaras di peringkat kebangsaan. Beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Malaysia telah diterima untuk dimasukkan dalam CMO tersebut.

Deklarasi Politik pula menyatakan komitmen politik negara-negara yang berkenaan untuk mengatasi wabak dadah, Malaysia telah memainkan peranan utama dalam penyediaan Deklarasi ini. Draf pertama deklarasi ini adalah dikemukakan oleh Malaysia.

Negara-negara peserta bersetuju untuk mematuhi di peringkat kebangsaan kehendak-kehendak kedua-dua konvensyen (perjanjian) antarabangsa mengenai dadah, yang sedia wujud iaitu "Single Convention on narcotic Drugs 1961" dan "Convention on psychotropic Substances 1971" serta membantu badan-badan Bangsa-bangsa Bersatu



yang berkenaan dalam mempertingkatkan usaha-usaha pengawalan dan pencegahan dadah. Pengiktiratan juga diberi ke atas peranan yang penting yang dimainkan oleh badan-badan bukan Kerajaan (non-governmental organizations). Deklarasi Politik juga meminta Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu mengkaji dari masa ke semasa pelaksanaan tindakan-tindakan dan perakuan yang termaktub di dalamnya dan di dalam CMO.

#### IMPORT ROKOK/TEBAKAU

4- **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri. Perusahaan Utama memberi perangkaan pengimpotan rokok dan tembakau selama lima tahun Terakhir tahun 1986 apakah kekesanan kempen terhadap bahaya rokok Sepada:

- (i) penuntut sekolah; dan
- (ii) orang ramai.

**Timbalan Henteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi soalan ini bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

Perangkaan mengenai import rokok dan tembakau selama 5 tahun berakhir tahun 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Import Rokok (Juta Kg.)	Import Tembakai (Juta Kg.)
1982	4.212	5.017
1983	2.427	2.295
1984	1.146	4.422
1985	0.233	5.534
1986	1.373	5.408

Berkaitan dengan pertanyaan mengenai kekesan kempen terhadap bahaya rokok kepada penuntut sekolah dan orangramai, adalah sukar untuk menentukan sejauh mana ianya berkesan kerana kempen tersebut dijalankan oleh Kementerian lain. Walau bagaimanapun, saya percaya mesej kempen-kempen berkenaan seperti kempen 'Minggu Tanpa Merokok' yang dilancarkan pada 1 November 1987, sudah sampai kepada golongan sasarannya.

**Tuan Haji Abdul Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa Kementerian berkenaan tidak mengharamkan rokok di pejabat-pejabat Kerajaan dan Badan Berkanun sepertimana negara Masir mengharamkan rokok di pejabat-pejabat Kerajaannya.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, kita cuma boleh menggalakkan orangramai tidak merokok tetapi kita tidak boleh menghalangnya.

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Berkenaan dengan penuntut di sekolah yang menghisap rokok, adakah Kerajaan mengambil langkah-langkah atau tindakan terhadap murid-murid di sekolah yang menghisap rokok.

**Tuan Osu bin Haji Sukam;** Tuan Yang di-Pertua, ada.

**LESEN RADIO DAN TV**

**5. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Penerangan menyatakan iaitu memandangkan masih ramai pendengar radio dan penonton TV di negara kita tidak membayar lesen radio dan TV dan secara langsung memberi galakan kepada manusia yang sengaja ingin membuat sesuatu yang anti Kerajaan, adakah pihak Kementerian akan memperkenalkan sistem kutipan atau bayaran lesen radio dan TV yang lebih sesuai dan berkesan, seperti pendaftaran kereta-motor dengan JPJ sebelum sesebuah kereta itu boleh berjalan di atas jalan raya. Dalam hal ini penjual-penjual radio dan TV diwajibkan mendaftar dan membayar lesen radio dan TV terlebih dahulu dan harga jualannya termasuklah bayaran lesennya sekali.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini Kementerian Penerangan sedang mengkaji semula proses pembayaran lesen radio dan TV dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan kutipan lesen. Bidang-bidang yang sedang dikaji adalah seperti berikut:-

- (i) mewujudkan lebih banyak tempat-tempat bayaran/kutipan;
- (ii) mengkaji kemungkinan penjual/pengedar alat-alat radio dan TV mengeluarkan lesen bagi pihak Kerajaan;
- (iii) menukar bentuk/format lesen radio dan TV kereta kepada bentuk pelekat (disk); dan
- (iv) mewujudkan satu sistem bagi mengingatkan pemegang-pemegang lesen bila tarikh lesen mereka akan tamat.

Walau bagaimanapun, bidang-bidang tersebut di atas masih lagi di peringkat kajian oleh Kementerian Penerangan dengan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan.

**KEMUDAHAN ASAS DI KAMPUNG**

**6. Puan Noraini binti Beluah** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan, setelah 30 tahun negara kita merdeka apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mempercepatkan setiap kampung di, negara ini dilengkapi dengan segala kemudahan-kemudahan asas, kerana di masa kini masih terdapat kampung-kampung terutama yang di pedalaman belum dapat menikmati terasuklah di Negeri Pahang Darul Makmur:

- (a) jalanraya yang lebih sempurna;
- (b) bekalan api elektrik 24 jam;
- (c) bekalan air paip; dan
- (d) perkhidmatan telefon (pondok telefon awam).

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]**: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar setelah 30 tahun negara mencapai kemerdekaan masih terdapat kawasan-kawasan luar bandar yang belum lagi mendapat kemudahan asas yang sempurna, walaupun Kerajaan telah mencurahkan peruntukan yang besar ke kawasan luar bandar. Kedudukan kampung-kampung luar bandar yang masih belum mendapat kemudahan asas yang sempurna ini pula adalah terlalu terpencil dan semakin jauh di pedalaman yang menyebabkan kos untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas menjadi semakin tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut ini saya kemukakan pencapaian dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap beberapa kemudahan yang dibangkitkan:-

**(a) Jalan Luar Bandar**

Salah satu langkah yang dijalankan oleh Kerajaan bagi mempercepat pembinaan jalan luar bandar ialah melaksanakan satu program khas pembinaan jalan luar bandar melalui, dengan izin, 'accelerated rural road programme' pada tahun 1977. Di bawah program ini, jalan-jalan yang telah dikenalpasti telah ditawarkan pembinaannya secara 'package' kepada kontraktor-kontraktor yang terpilih supaya jalan-jalan dapat dibina dengan cepat. Sejumlah \$556.73 juta telah diluluskan bagi membina 2,612 kilometer jalan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam Rancangan Malaysia Keempat peruntukan tersebut ditambah kepada \$970.75 juta untuk membina 2,828 kilometer jalan. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima cuma berjumlah \$385.71 juta sahaja selaras dengan kemampuan kewangan yang ada.

**(b) Bekalan Elektrik Luar Bandar**

Bagi bekalan elektrik pula, dianggarkan lebih kurang 70% daripada penduduk luar bandar telahpun menikmati kemudahan elektrik sehingga akhir Rancangan Malaysia Keempat (1985). Sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan lebih daripada \$1,000 juta untuk mengadakan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar. Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak LLN untuk mempercepatkan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan pedalaman terasasuklah melaksanakan projek-projek mini hidro dan juga membina talian voltan tinggi untuk membolehkan bekalan elektrik dinaikkan taraf kepada 24 jam bagi kawasan-kawasan yang masih menikmati bekalan kurang daripada 24 jam. Dari segi peruntukan pula, Kerajaan telahpun menambahkan peruntukan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) bagi program ini daripada \$202.5 juta kepada \$356 juta. Daripada jumlah tersebut,

sebanyak \$36.5 juta adalah diperuntukkan bagi Negeri Pahang. Adalah dianggarkan dengan pertambahan peruntukan ini lebih kurang 150,000 lagi isirumah di kawasan luar bandar akan mendapat bekalan elektrik. Dengan pertambahan peruntukan ini liputan bekalan elektrik dijangka akan dapat dibekalkan kepada lebih kurang 80% daripada keseluruhan penduduk luar bandar di akhir Rancangan Malaysia Kelima nanti.

(c) **Bekalan Air Luar Bandar**

Sehingga akhrit Rancangan Malaysia Keempat (1985) lebih kurang 60% daripada penduduk luar bandar telahpun dapat menikmati bekalan air bersih. Dalam tempoh tersebut, lebih kurang \$600 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk mengadakan bekalan air bersih ke kawasan luar bandar, Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini, Kerajaan menyedari akan pentingnya bekalan air bersih terhadap kualiti hidup dan kesihatan penduduk luar bandar sedang melaksanakan projek bekalan air luar bandar secara besar-besaran melalui kontrak 'turnkey' yang akan menelan belanja sebanyak \$1.4 billion. Apabila siap projek ini kelak dijangkakan lebih kurang 76% penduduk luar bandar akan dapat menikmati bekalan air bersih. Jika diambilkira bekalan air masyarakat yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan, dan dengan siapnya projek bekalan air secara 'turnkey-' kontrak, lebih kurang 90% penduduk luar bandar akan dapat menikmati bekalan air bersih di akhir Rancangan Malaysia Kelima.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan dan keterangan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan adakah pihak Kementerian ini sedar bahawa beberapa kawasan luar bandar yang telah kecewa dalam mendapatkan bekalan air dan bekalan api di mana setengah-setengah

kawasan paip besar untuk menyampaikan air ini telahpun ditanam dan beberapa penduduk dalam kawasan berkenaan telahpun memasang paip untuk sampai ke rumah masing-masing, tetapi hingga dua tahun air langsung tak sampai dan begitu juga bekalan elektrik kadang-kadang tiang ditanam hampir setahun, tetapi tak ada wayar. Apakah permasalahan sehinggakan begini keadaan. Kalau sekiranya pihak Kementerian berkenaan tidak cukup bekalan, maka benda ini lebih baik tidak ada langsung tanda-tanda untuk menyampaikan bekalan-bekalan yang tersebut.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya maklumkan tadi peruntukan untuk bekalan elektrik luar bandar dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, begitu juga dengan peruntukan bagi bekalan air luar bandar, tetapi pelaksanaan untuk bekalan elektrik dikelolakan oleh Lembaga Letrik Negara dan peruntukan bagi projek air luar bandar dikelolakan oleh Jabatan Bekalan Air. Sepatutnya apabila tiang-tiang telahpun ditanam dan paip-paip telahpun dipasang, bekalan api dan bekalan air ini sepatutnya sampai ke runiah-rumah yang dimaksudkan. Kalau ada perkara-perkara yang berbangkit ataupun masalah-masalah yang tertentu, saya berharap supaya Ahli Yang Berhormat dapat menyampaikan maklumat yang berkenaan kepada saya supaya dapat diambil tindakan oleh Kementerian.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setelah 30 tahun kita merdeka dan sekarang sudah ada Buku Merah Dua, adakah kerja sekerat-sekerat mengenai rancangan ke luar bandar untuk keperluan rakyat ini, duit dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, yang buat kerja LLN; duit dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, yang buat kerja JKR

Bahagian Air. Jadi, tidakkah boleh kalau Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sahaja mengkhususkan peruntukan itu dari dia, dia cari kontrak buat kerja untuk orang luar bandar, jangan beri kepada tangan orang lain, sebab kerja bertindih-tindih ini bukan sedap sangat macam itu, orang kampung marah, ini pilihanraya sudah dekat hendak sampai. Adakah Menteri sedar hal ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan sedar akan tanggungjawab untuk membekalkan bekalan air dan elektrik ke kawasan luar bandar dan oleh kerana Kerajaan memberikan perhatian yang serius kepada perkara ini, maka itulah sebabnya kedua-dua peruntukan ini dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar walaupun Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak ada badan-badan ataupun agensi-agensi untuk terus melaksanakan bekalan air dan juga elektrik ke kawasan luar bandar, tetapi Kerajaan memberikan kuasa kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk memastikan bahawa kawasan luar bandar tidak ketinggalan ataupun tidak ditinggalkan dalam pada kita memberikan bekalan air dan elektrik untuk rakyat kita di seluruh negara. Jadi, saya ingin menekankan bahawa oleh kerana peruntukan ini dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar serius untuk metnberikan bekalan air dan juga elektrik kepada penduduk luar bandar.



**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan air bukan sahaja di negeri Pahang, di seluruh Johor, kampung-kampung pun begitu juga. Nampaknya paip air ada tetapi air langsung tak cukup, tak ada. Jadi apabila pilihanraya 5 tahun sudah lepas, bila akan datang janji hendak beri tetapi tidak. Kita hendak pandangkan kesusahan rakyat jelata di seluruh kampung-kampung. Jadi, saya fikir sudah sampailah masa Kementerian yang berkenaan mengambil alih. Saya sangat-sangat bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apakah soalan tambahannya, Ahli Yang Berhormat? [**Ketawa**].

**Tuan Lau Keng Siong:** Diminta, itu tak payah serah kepada Jabatan Kerja Raya atau LLN, tetapi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sendiri ambilalih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apakah soalan tambahannya? Tiada soalan tambahan?

**Tuan Lau Keng Siong:** Saya sangat bersetuju dengan soalan tambahan tadi yang disoalkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, tak payah Yang Berhormat menjawab.

#### PENGELUARAN PADI - MATLAMAT PENCAPAIAN

**7. Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Pertanian menyatakan strategi dan rancangan jangka pendek dan panjang bagi mencapai matlamat cukup untuk 70% keperluan sendiri (self-sufficient) dalam pengeluaran padi.

**Tuan Mohd. Kassim bio Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menetapkan bahawa pengetuan padi dan beras negara ditumpukan kepada 8 (lapan) buah kawasan jelapang padi. Kawasan-kawasan itu ialah MADA, KADA, Keriaa-Sungai Manik, Barat Laut Selangor, Seberang Prai, Kemasin-Semerak, Besut dan Seberang Perak yang melibatkan kawasan seluas kira-kira 212,000 hektar. Manakala tahap pengeluaran beras untuk keperluan sendiri pula telah ditetapkan pada kadar terapung berdasarkan kepada keupayaan pengeluaran dripada 8 kawasan yang dinyatakan itu.

Pada masa ini kadar tersebut ditetapkan pada paras 55% - 60%. Usaha akan diteruskan untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran dan mutu penghasilan padi di 8 kawasan jelapang padi.

Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa strategi jangka pendek dan jangka panjang yang berikut telah dan akan dilaksanakan:

- (1) meneruskan aktiviti penyelidikan bagi tujuan memperkenalkan pengetahuan dan teknologi baru bagi mengurangkan kos pengeluaran dan pada masa yang sama meningkatkan mutu hasil keluaran. Pengenalan benih-benih baru yang bermutu baik dan penanaman secara tabur terus adalah hasil daripada aktiviti penyelidikan ini;
- (ii) meneruskan program kejenteraan ladang bagi menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kejenteraan yang sesuai dan berkesan;
- (iii) perkhidmatan-perkhidmatan lepas tunai akan diperbaiki dari semasa ke semasa supaya lebih cekap dan berkesan bagi mengelakkan kerosakan kepada padi;
- (iv) meneruskan program pembangunan pertanian dan institusi peladang bagi meningkatkan lagi prestasi kerja mereka di samping menggalakkan pengusahaan secara berkelompok.

Memandangkan kawasan-kawasan jelapang padi telah mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap dan dengan strategi-strategi yang telah diatur itu, maka adalah dijangkakan mutu dan hasil pengeluaran padi dapat dipertingkatkan dan pada masa yang sama kos pengeluaran juga dapat dikurangkan.

Kawasan-kawasan di luar jelapang padi yang dlushakan dengan tanaman padi telah dan akan ditukar dengan tanaman-tanaman lain yang lebih menguntungkan secara berperingkat-peringkat. Pemilihan tanaraan akan bergantung kepada perkembangan teknikal dan ekonomik seperti kesesuaian tanah, faktor-faktor agro-climate dan hasil pulangan yang akan diperolehi.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, mengapakah hanya 8 buah kawasan sahaja jelapang padi yang diberikan tumpuan. Saya ingin tahu beberapa tahun dahulu Kerajaan cuba hendak menubuhkan satu kawasan jelapang padi yang baru iaitu di Endau, Johor dan telahpun dibawakan penanam petani padi daripada utara. Jadi bagaimanakah hasilnya rancangan itu, adakah kawasan jelapang padi yang di Endau itu tidak ditumpukan atau tidak menjadi satu kawasan yang akan dimajukan terus?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita hanya memusatkan usaha kita secara sepenuhnya di kawasan jelapang padi yang berjumlah 8 buah kawasan itu.

Berkenaan soalan yang diayatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, barangkali satu masa nanti bolehlah agaknya dipertimbangkan tetapi buat masa sekarang, inilah sahaja jelapang padi yang kita tumpukan.

**Tuan Mohd. Noor bin Bedah:** Soalan tambahan. Dalam usaha kita untuk meningkatkan pengeluaran padi ini adakah Kerajaan mempunyai rancangn untuk tnegapungkan harga padi dan beras kita, terutamanya jenis gred tinggi seperti beras A1 dan A2 iaitu sebagai galakan dan juga insentif kepada petani-petani untuk menanam padi.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita belum lagi bercadang untuk mengapungkan harga padi sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**PELANCONG MALAYSIA KE LUAR NEGERI - STATISTIK**

8. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapa ramai rakyat Malaysia melancong keluar negeri dalam tempoh 2 tahun ini, serta di mana destinasi-destinasi utama dan berapa dianggarkan perbelanjaan mereka;
- (b) jumlah pelancong asing yang datang ke Malaysia dan berapakah hasil kepada negara; dan
- (c) setakat mana hasil dan faedah kepada negara, kesan selepas Persidangan PATA di Kuala Lumpur tahun lalu dalam industri pelancongan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan**

[**Tuan Abdul Rahman bin Suliman**]: (a) Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan adalah dianggarkan seramai 2,115,275 warganegara Malaysia telah membuat lawatan ke luar negeri pada tahun 1986, sementara untuk tempoh Januari - Jun, 1987 adalah seramai 1,175,536. Sebahagian besar dari bilangan yang keluar ini adalah untuk tujuan pelajaran dan menunaikan fardhu haji dan utnrah dan bukan semata-mata untuk melancong sahaja.

Kementerian ini tidak mempunyai perangkaan mengenai tujuan lawatan rakyat Malaysia ke luar negeri, tetapi mengikut ramalan destinasi-destinasi utama rakyat Malaysia ke luar negeri ialah Singapura, United Kingdom, Arab Saudi, Australia, Amerika Syarikat dan Jepun.

Adalah dianggarkan bahawa sebanyak \$3,545 juta telah dibelanjakan oleh rakyat Malaysia di luar negeri. Perbelanjaan tersebut bukanlah hanya bagi tujuan melancong ke luar negeri sahaja seperti yang saya katakan tadi, tetapi untuk semua tujuan termasuk pelajaran dan menunaikan fardu haji. Adalah dijangkakan bahawa sejumlah \$478 juta telah dibelanjakan oleh rakyat Malaysia untuk tujuan melancong semata-mata ke negara-negara jiran.

(b) Dari segi pelancongan ke Malaysia seramai 2,933,271 pelancong-pelancong luar negeri telah dicatatkan mengunjungi Malaysia pada tahun 1985. Ini memperlihatkan pertambahan sebanyak 5.6% berbanding dengan tahun 1984.

Dari segi pendapatan dari pelancongan pula, Malaysia menerima sebanyak \$1,412.4 juta hasil dari pelancong-pelancong asing pada tahun 1985. Jumlah ini memperlihatkan pertumbuhan sebanyak 8.3% berbanding dengan tahun 1984.

(c) Sebagai negara tuan-rumah Persidangan PATA 1986, Malaysia telah memperolehi dua kesan atau faedah utama hasil dari penganjuran tersebut seperti berikut:

- (i) bagi jangka masa pendek Malaysia telah memperolehi pertambahan pendapatan tukaran matawang asing berikutan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibuat oleh 2,528 orang delegasi persidangan dan peserta PATA Travel Mart sama ada untuk bayaran pendaftaran, penginapan, keraian, pembelian cenderamata dan sebagainya. Di samping itu, keupayaan dan kebolehan Malaysia dalam menganjurkan persidangan yang sama dengan secara profesional telah mengagumkan kesemua para delegasi persidangan. Sebahagian besar pada delegasi bukan sahaja telah menyuarakan rasa puas hati terhadap program-program yang telah diatur, bahkan, menganggap kesemuanya berfaedah pada mereka itu. Kesemua ini secara langsung telah memberi kesan yang amat positif ke arah peningkatan imej Malaysia di kalangan masyarakat pelancongan antarabangsa.

Bagi jangkamasa panjang pula, faedah yang akan diperolehi oleh negara meliputi:

- (i) Persidangan PATA adalah merupakan satu-satunya persidangan antarabangsa yang sangat-sangat diminati dan menarik perhatian ke semua negara-negara yang ingin membangunkan industri pelancongan masing-masing. Pada kebiasaannya persidangan PATA dan PATA Travel Mart adalah diadakan di tempat-tempat yang berasingan supaya lebih banyak negara mendapat faedah darinya. Walau bagaimanapun, dengan usaha-usaha gigih yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia, kita telah berjaya buat pertama kalinya menganjurkan ketiga-tiga aktiviti utama PATA tersebut iaitu Persidangan tahunan PATA, PATA Travel Mart dan PATA Trade Show di negara ini. Dengan berlangsungnya ketiga-tiga aktiviti tersebut di Malaysia, maka perhatian masyarakat pelancongan antarabangsa telah seterusnya tertumpu ke negara ini.
- (i) Sesuatu Persidangan PATA biasanya akan juga dihadiri oleh pemberita-pemberita, penulis-penulis dan sebagainya yang bertanggungjawab bagi membuat liputan mengenai segala aspek perbincangan dan penganjuran persidangan. Bagi Persidangan PATA '86, seramai 179 orang pemberita dan penulis dari beberapa negara telah datang untuk membuat liputuan sedemikian. Ini dengan sendirinya telah meluaskan lagi publisiti mengenai negara ini. Pada kesimpulannya matlamat negara dari segi penganjuran persidangan ini

ialah untuk menimbulkan dan meningkatkan kesedaran, khususnya di kalangan para delegasi mengenai potensi Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan konvensyen di rantau ini. Kesedaran sedemikian diharapkan akan dapat menghasilkan kedatangan lebih ramai pelancong ke Malaysia dan meningkatkan lagi tahap kemajuan industri pelancongan negara seterusnya.

- (iii) Persidangan tahunan PATA dan PATA Travel Mart di Malaysia telah dihadiri oleh seramai 2,528 delegasi termasuk wakii-wakil syarikat penerbangan, pengusaha-pengusaha pelancongan antarabangsa, hotel-hotel dan lain-lain pertubuhan pelancongan yang bergerak cergas di rantau Pasifik. Kehadiran mereka itu di Malaysia dalam tempoh yang sama dengan secara tidak langsung telah memberikan peluang kepada negara untuk:
- (a) menonjolkan segala tarikan-tarikan dan potensi negara ini sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen di rantau ini; dan



(b) Lebih meyakinkan mereka itu mengenai kemampuan, kebolehan dan keupayaan Malaysia dari segi menampung kemasukan lebih ramai pelancong dan peserta-peserta konvensyen ke negara ini.

(iv) Persidangan PATA 1986 telah juga meliputi satu aktiviti penting iaitu PATA Travel Mart yang telah diadakan mulai 9hb - 12hb April, 1986. Aktiviti Ini adalah berupa satu pasaran perniagaan pelancongan di mana sejumlah 287 orang pengusaha-pengusaha pelancongan yang terkemuka dari seluruh dunia telah menghadirinya sebagai "pembeli". Kehadiran pembeli-pembeli tersebut di Malaysia telah memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha pelancongan dan hotel tempatan bagi mengadakan perundingan dan perjanjian perniagaan secasra terus dengan mereka itu. Ini dipercayai akan dapat menghasilkan peningkatan bilangan pelancong-pelancong ke negara ini di masa-masa hadapan.

Sebagai kesimpulannya, saya suka sekali menegaskan sekali lagi di sini bahawa penganjuran Persidangan PATA 1986 sesungguhnya telahpun menunjukkan kesan yang amat positif bukan sahaja ke arah meninggikan imej negara bahkan juga sebagai asas yang amat berguna kepada sektor swasta untuk meneruskan usaha-usaha perniagaan mereka bagi meningkatkan lagi kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini. Dengan lain-lain perkataan, Kerajaan telahpun berjaya menyediakan peluang yang sebaik-baiknya kepada sektor swasta untuk mengambil tindakan-tindakan susulan ke arah melipatgandakan lagi perkembangan industri pelancongan negara bagi masa-masa hadapan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar atau tidak bahawa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sedang berusaha untuk metniata operator-operator hotel mengurangkan kadar bayaran bilik di hotel dan tidakkah Kerajaan mengkaji mengurangkan cukai-cukai yang dikenakan kepada operator-operator hotel seperti sales tax, dengan izin, daripada 5% ke 3% supaya bersama-sama dengan pihak swasta meningkatkan dan menggalakkan lebih ramai pelancong-pelancong asing ke negara kita?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah pada masa yang lepas kadar sewa hotel agak tinggi, Tetapi pada masa sekarang kadar ini telahpun dianggap sebagai kadar yang munasabah di rantau ini.

Walau bagaimanapun, apa yang ditekaukan ialah dari segi teknik pemasaran oleh pihak Kementerian. Misalnya kalau kita hendak menjual bilik-bilik hotel di negara Jepun ataupun pelancong-pelancong dari negara Jepun maka kita haruslah menentukan bahawa kadar itu dalam kadar mata wang Jepun sendiri. Begitu juga kalau di Amerika kita meminta supaya kadarnya dalam US\$ bukan dalam M\$. Ini dari segi strategi pemasaran boleh menggambarkan keadaan hotel yang sebenarnya bagi negara-negara yang berkenaan.

Di samping itu kita juga bersimpati dengan pihak-pihak hotel tentang kemudahan-kemudahan di antaranya termasuklah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu kadar cukai dan sebagainya. Walau bagaimanapun dari segi kemudahan-kemudahaa lain di hotel-hotel dari segi lesen umpamanya lesen peti TV dikenakan tiap-tiap TV satu lesen. Kalau sebuah hotel ada 1,000 bilik maknanya 1,000 lesen XV , Dan ini telah kita rundingkan clengan pihak Kementerian supaya pihak

Kementerian yang berkenaan yang terlibat mengeluarkan hanya satu lesen bagi beberapa peti TV tetapi dengan kadar yang serupa. Ini untuk mengurangkan masalah pentadbiran kepada pihak pentadbiran hotel.

Begitu juga perkara-perkara yang lain, lesen restoran dan sebagainya juga kita ambil perhatian supaya melahirkan kecekapan kepada pentadbiran hotel dan ini boleh digunakan ataupun dari segi pemasaran hotel-notel yang berkenaan digunakan untuk tujuan menarik pelancong-pelancong yang lain.

**Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan iaitu disebutkan bahawa dua juta lebih pelancong-pelancong datang ke Malaysia. Dari negara manakah yang ramai sekali datang ke Malaysia dan adakah di antara penulis-penulis mereka ini yang memberi gambaran negatif terhadap Malaysia.

**Tuan Abdul Raman bin Sulilman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang kita ada dari jumlah tersebut pelancong yang paling ramai sekali datang ke negara kita ialah daripada jiran kita iaitu Singapura. Dari negara-negara ASEAN, Singapura adalah merupakan negara yang teramai sekali pelancong-pelancong melawat Malaysia. Bagi negara-negara di luar daripada ASEAN, Jepun adalah merupakan negara yang pertama, ramai sekali pelancong datang ke Malaysia.

Mengenai soalan yang kedua iaitu penulis-penulis di luar negeri, memang terdapat beberapa kesilapan yang dilakukan oleh penulis-penulis di luar negeri. Ini kita tidaklah dapat mengetahui sebab-sebabnya. Walau bagaimanapun, saya rasa Kementerian Luar Negeri memang mengambil perhatian dalam perkara ini. Dari masa ke semasa Kementerian juga telah meminta pihak-pihak yang berkenaan supaya apabila menulis berkenaan dengan Malaysia hendaklah benar-benar mendapat gambaran yang jelas.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah boleh Kementerian yang berkenaan melantik syarikat swasta yang ada pengalaman baik dalam industri pelancongan untuk menganjurkan PATA hanya dengan memberi subsidi bagi menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun berlaku dan sebenarnya dari segi menarik pelancong-pelancong, apa yang dibuat oleh Kerajaan ialah langkah memperkenalkan Malaysia dari segi promosi dan galakan. Kita tidak membawa masuk pelancong-pelancong, ini adalah dilakukan oleh pihak swasta. Tetapi apa yang dibuat oleh Kerajaan atau Kementerian ialah dari segi meningkatkan promosi memperkenalkan Malaysia ataupun menggalakkan pelancong-pelancong luar negeri dari segi penggalakan supaya mereka datang ke Malaysia. Maka dengan keadaan demikian, penganjuran seperti ini mestilah dianjurkan oleh Kerajaan kerana kita melihat dari segi kepentingan negara keseluruhannya bukan dari segi kepentingan pihak swasta untuk mendapat keuntungan daripada penganjuran PATA.

#### **JALANRAYA BENTONG-RAUB-KUALA LIPIS - MELUASKAN**

9. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kementeriannya merancang untuk memaju dan meluaskan jalanraya di Pahang Barat kerana jalan-jalan yang terdapat di sana seperti dari Kuala Lipis ke Raub, Raub ke Bentong dan lain-lain adalah sempit dan kurang memuaskan.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya memang ada rancangan untuk membaiki keadaan jalanraya dari Bentong ke Raub dan Kuala Lipis.

Walau bagaimanapun, setakat ini bagi tahun 1988, peruntukan hanya diperolehi untuk membina jambatan baru di Benta dan jalan Kuala Lipis - Pagar Sasak. Jalanraya dari Bentong ke Raub dan Raub ke Kuala Lipis akan dilakukannya apabila peruntukan diperolehi.

#### **POLISI MAKLUMAT TEKNOLOGI**

10. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriannya telah merancang sebuah Polisi Maklumat Teknologi (Information Technology Policy) untuk negara memandangkan kepentingan maklumat teknologi yang kini bertambah dalam pembangunan ekonomi dan pemodenan nasional memandangkan negara-negara seperti Singapura dan Taiwan menitikberatkan atas perkara memajukan maklumat teknologi. Kalau ya, bolehkah beliau menghuraikan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]:** Ya, maklumat teknologi telah dimasukkan sebagai satu komponen di dalam Dasar Sains dan Teknologi Negara yang diluluskan oleh Kerajaan pada bulan April, 1986. Dasar ini menitikberatkan betapa pentingnya maklumat mengenai kegiatan penyelidikan dan perabangunan, tenaga manusia, infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain dikumpul dan dianalisa bagi membantu dalam perancangan dasar Kerajaan. Dasar itu juga membolehkan maklumat saintifik dan teknologi sama ada dari dalam atau luar negeri diperolehi dan disebarkan untuk kegunaan pihak-pihak yang berkaitan.

SIRIM telah menubuhkan Pusat Maklumat dan Dokumentasi Paten (Patent Information and Documentation Centre) untuk memberi maklumat yang diperlukan oleh syarikat-syarikat dan perusahaan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, projek Pusat Maklumat Saintifik dan Teknologi Malaysia (Malaysian Scientific & Technological Information Centre - MASTIC) di bawah Kementerian telah diluluskan.

Baru-baru ini Kementerian melalui Unit Perancangan Ekonomi telah berjaya mendapatkan kerjasama daripada Bank Pembangunan Asia atau Asian Development Bank untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi projek ini. Di bawah bantuan teknik tersebut, kajian akan dibuat terhadap keperluan maklumat saintifik dan teknologi di peringkat membuat keputusan pengurusan di Kementerian serta untuk mengadakan sistem maklumat yang lebih lengkap bagi beberapa institusi penyelidikan dan pembangunan.

#### FELDA - RUNGUTAN PENEROKA

**11. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan, sedarkah Kementerian berkenaan adanya rungutan dan rasa tidak puas hati peneroka-peneroka FELDA di atas peraturan dan kerehuan yang dibuat oleh Perbadanan Kilang FELDA kepada buah-buah sawit yang dijual kepada kilangnya, apakah:

- (a) peneroka ini dianggap menjual minyak sawit atau buah sawit; dan
- (b) adakah cadangan dari Perbadanan Kilang untuk memberi dividen kepada peneroka berkenaan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato Haji**

**Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) peneroka-peneroka menjual buah sawit kepada Perbadanan Kilang FELDA. Harga yang dibayar, di antara lain, bergantung kepada peratusan perahan minyak yang diperolehi setelah buah-buah itu dikilang. Oleh yang demikian, mutu buah sawit yang baik adalah penting untuk memperolehi kadar perahan yang tinggi dan seterusnya mendapatkan harga yang memuaskan.

Beberapa peraturan tertentu dibuat dan dikuatkuasakan oleh Perbadanan Kilang PELDA untuk memastikan buah sawit yang dihasilkan serta dihantar ke kilang adalah bermutu tinggi. Ini perlu dilaksanakan supaya peneroka menerima pendapatan yang memuaskan dari hasil ladang mereka.

Peraturan-peraturan ini dibuat setelah dibincangkan dengan pihak-pihak berkenaan seperti pentadbiran rancangan, pentadbiran kilang dan wakil-wakil peneroka. Perlaksanaan peraturan-peraturan ini diawasi oleh Jawatan-kuasa-jawatankuasa yang dianggotai oleh pihak-pihak yang telah disebutkan itu.

- (b) Perbadanan Kilang FELDA telahpun membuat bayaran dividen kepada pemegang-pemegang sahamnya dan dalam tahun 1986 dividen sebanyak \$18.2 juga telah dikeluarkan. Sebanyak 62.17% daripada saham-saham Perbadanan adalah dimiliki oleh akaun-akaun peneroka dan 24.4% oleh Koperasi Permodalan PELDA. Kira-kira 80% daripada Ahli-ahli Koperasi Permodalan FELDA adalah terdiri dari peneroka-peneroka dan ahli-ahli keluarga mereka.



**Datuk Haji Nasir bin Manap:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumkan, saya merasai peneroka-peneroka FELDA ada kaitannya dengan Perbadanan Kilang FELDA. Dalam masalah ini untuk menentukan supaya peneroka-peneroka FELDA juga mempunyai kepentingan di dalam Perbadanan Kilang FELDA, adakah setakat ini peneroka-peneroka FELDA dan keluarga mereka yang berkelayakan diberi peluang bekerja di kilang-kilang FELDA?

**Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ke arah hendak meningkatkan penglibatan terutama sekali generasi kedua dalam FELDA di dalam berbagai kegiatan menerusi perbadanan-perbadanan yang telah diwujudkan oleh FELDA telah, sedang dan akan dipertingkatkan dari satu masa ke satu masa. Setakat ini lebih daripada 5 ribu orang anak-anak peneroka telahpun dilatih dalam berbagai bentuk bidang kemahiran. Sehingga hari ini hampir 3 ribu orang daripada anak-anak peneroka ini sedang bekerja di dalam 12 perbadanan yang ditubuhkan oleh FELDA. Kita juga berusaha untuk cuba meningkatkan lagi keupayaan dan kemampuan perbadanan-perbadanan ini untuk menampung bilangan yang lebih besar.

Selain daripada itu, langkah-langkah juga kita ikhtiarkan untuk melihat lebih ramai lagi peneroka-peneroka dan ahli-ahli keluarga mereka terlibat dengan kadar yang lebih tinggi lagi terutama sekali sebagai ahli di dalam Koperasi Peneroka FELDA itu.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Latif:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa harga kelapa sawit yang dihantar oleh peneroka bergantung kepada mutu yang tinggi, buah baik dan berbagai-bagai lagi. Sedarkah Timbalan Menteri yang berkenaan bahawasanya sungutan tidak puas hati peneroka-peneroka tentang pentadbiran pengurusan FELDA iaitu mengangkat buah yang mereka turunkan larnbat, menyebabkan buah busuk dan

harganya rendah, macam mana dapat mutu yang tinggi. Yang keduanya, menggredkan buah peneroka, digredkan oleh pihak Kilang FELDA terlampau rendah. Mereka juga mendapat harga yang murah. Berbagai-bagai lagi sungutan yang dikemukakan oleh pihak peneroka FELDA dan apabila sungutan ini dikemukakan kepada pihak atasan, jawapannya ialah pengurusan FELDA menguruskan dengan peneroka berasaskan kepada perjanjian yang telah dibuat oleh Kerajaan yang telah dipersetujui oleh "kedua-kedua pihak. Jadi, kalau sekiranya ada yang tidak baik, tldakkah Kerajaan bercadang hendak meminda atau menyemak semula perjanjian-perjanjian yang telah dibuat di antara kedua pihak ini yakni peneroka dan FELDA supaya ianya benar-benar memenuhi hasrat Kerajaan membuka FELDA ini untuk memberi. pendapatan yang lebih kepada rakyat, dan bukan untuk memberi keuntungan kepada perbadanan atau kilang FELDA atau syarikat angkut FELDA.

**Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak memberi penjelasan ini, cukup panjang tentang macam-macam rungutan yang dikemukakan oleh peneroka-peneroka FELDA. Tetapi saya cuba hendak ringkaskan sahaja. Dari segi hendak mengutip buah-buah sawit di peringkat rancangan, kita sudah menyediakan satu jadual yang tertentu mengikut pusingan-pusingan yang tertentu apabila sampai musim untuk menuai buah-buah kelapa sawit ini. Masalah timbul kadangkala apabila peneroka-peneroka tidak mengikut jadual-jadual yang telah ditetapkan itu. Mereka ini bukan tidak tahu, dia tahu. Contohnya, di hari-hari cuti ataupun di musim-musim perayaan, macam yang berlaku baru-baru ini di FELDA Redung. Kejadian itu berlaku kerana peneroka walaupun dia tahu hari itu kita

tidak patut petik buah sawit, dia petik. Bila dia petik, kita sudah beritahu kita tidak akan angkat. Bila tidak angkat, bisinglah. Itu satu contoh. Jadi, dari segi dasarnya, dari segi aturan dan peraturannya, kalau apa yang telah digariskan di peringkat rancangan itu bersama-sama dilaksanakan dengan betul, saya kira banyak masalah dapat dibuat. Yang keduanya, tentang soal gred, dahulu memang betul salah satu cara kita menentukan bayaran harga BTB (Buah Tanam Baru) ini adalah secara digred buah-buah yang dihantar ke kilang tetapi itu pun telah menimbulkan banyak masalah dan sekarang ini kita sudah tukar balik kepada sistem kadar perahan minyak ini yang kita dasar-kan, kita asaskan kepada jenis dan mutu buah yang dihantar.

Soal kadar perahan ini pun menimbulkan bermacam-macam masalah kerana pihak peneroka dan kilang mempunyai perhitungan dan penilaian masing-masing. Jadi kita cuba untuk mencari satu titik pertemuan dan saya percaya keadaan yang lebih tenang lagi dapat kita wujudkan apabila persetujuan dicapai di antara FELDA dan peneroka-peneroka menerusi rundingan-rundingan yang kita buat sekarang ini.

Soal yang ketiga yang di bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah saya kira soal perjanjian ataupun hendak kaji semula perjanjian yang dibuat di antara peneroka dengan FELDA. Ini soal lain dan tidak berkaitan dengan soal yang asal, tetapi saya boleh terangkan kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua izinkan, kalau tidak, saya tidak bercadang hendak memberi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah panjang dan masa pun sudah cukup.

Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

#### **BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI PELANCONGAN**

12. **Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memperbanyakkan penglibatan bumiputera dalam industri pelancongan.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah dan akan terus berusaha meningkatkan penglibatan bumiputera secara aktif di dalam industri pelancongan negara.

Sebagai misalannya, bidang perniagaan enterprais pelancongan Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada bumiputera yang ingin menceburkan diri di dalam aktiviti perniagaan sederhana. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb Oktober, 1987 sudah terdapat 282 enterprais-enterprais pelancongan yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) yang dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera. Ini adalah merupakan 33.9% dari jumlah keseluruhan (833) enterprais-enterprais pelancongan yang berdaftar di negara ini. Jumlah ini tidak meliputi 152 lagi (atau 18.2%) yang diusahakan secara bersama dengan bukan bumiputera.

Di bidang industri perhotelan dan tempat-tempat penginapan pula, sehingga Disember 1986 pelaburan dalam bentuk modal berbayar bagi bumiputera adalah sebanyak \$392 juta. Jumlah ini merupakan 41.6% dari jumlah keseluruhan (\$94.1 juta) pelaburan dalam bentuk modal berbayar bagi bidang berkenaan.

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam hal ini merangka satu rancangan pembinaan chalet-chalet ekonomi di tempat-tempat yang difikirkan sesuai untuk diusahakan oleh penduduk-penduduk luar bandar terdiri dari golongan bumiputera. Projek ini akan dilaksanakan dengan bantuan pihak MARA.

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan juga bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk projek-projek tertentu. Demi untuk meningkatkan kemahiran bumiputera di bidang ini, misalnya, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Institut Teknologi MARA dan Jabatan Perdana Menteri. Di bidang pengangkutan pelancongan pula, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan Awam, khususnya Lembaga Pelesenan Pengangkutan J.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi  
Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan  
bagi Pertanyaan No. 13 hingga 33 adalah]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NANAS (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perindustrian Nanas (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang." (2hb Disember, 1987).

Timbalani Yang di-Pertua: Ada di antara Ahli~ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

**4.05 ptg.**

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan serta menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas, 1957.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini berdasarkan kepada keperluannya. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini sudahpun boleh disebut sebagai bilated, dengan izin, inisiatif sepatutnya diambil sebelum keadaan menjadi rumit dan mengancam industri nenas. Saya rasa inisiatif yang diambil sekarang ialah untuk menyelamatkan keadaan sebelum industri nenas sampai ke tahap tidak viable lagi. Jelas sekali, bahawa industri nenas menghadapi beberapa masalah yang akan saya sebut.

Pertama, pengeluaran. Pengeluaran sudah menurun dalam kedua-dua sektor, iaitu estet dan pekebun kecil, Ini nyata daripada trend mengikut statistik dalam Laporan Lembaga. Pengeluaran turun daripada tahun 1985 ke tahun 1986. Di sektor estet menurun daripada 133,751 tan kepada 127,642 tan iaitu menurun sebanyak 5%. Di sektor pekebun kecil, menurun daripada 17,882 tan kepada 16,745 tan iaitu menurun sebanyak 6.36%.

Pada keseluruhannya, pengeluaran turun dengan kadar 4.8% tetapi kita dapati di sini bahawa penurunan adalah lebih di sektor pekebun kecil, Pengeluaran nenas kaleng iaitu dalam tin dan juice, juga menurun iaitu daripada 2,172,200 peti pada tahun 1985 kepada 1,942,100 peti. pada tahun 1986 iaitu penurunan sebanyak 230,100 peti iaitu dengan kadar 10.6% turun daripada tahun 1985 ke 1986.

Tidak dapat saya pastikan mengapa trend ini berlaku, mungkin masalah kawasan yang tidak sesuai, mungkin masalah pekerja yang tidak cukup, atau masalah produktiviti, atau mungkin minat menanam sudah menurun kerana kurang insentif dari segi pemasaran dan harga. Saya minta Kementerian berkenaan dan Lembaga mengambil perhatian dalam hal ini dengan serius.

Research and development, dengan izin, harus dijalankan untuk mengatasi masalah ini. Kita tidak tahu hingga bila trend ini akan berterusan, yang jelas sekali kita akan menghadapi saingan dari pengeluar-pengeluar dari negara-negara Carribbean dan Filipina yang sanggup memberi harga yang competitive dan mutu yang tinggi.

### **Pemasaran**

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah nadi bagi sesuatu perusahaan. Hilang pasaran maknanya hilang pengeluaran, hilang rezeki. Jadi, ini adalah punca kejayaan atau kegagalan industri nenas ini.. Tersebut dalam Rang Undang-undang ini lantikan seorang Chief Executive. Saya cadangkan supaya perlantikan ini terdiri daripada orang yang ada latar belakang pemasaran barangan. Orang ini akan menentukan secara nasihat kepada Lembaga perkara yang bersangkutan dengan pemasaran. Satu pelan pemasaran yang agresif harus diwujudkan yang mengandungi segala dasar pemasaran, strategi, taktik-tektik dan teknik-tekaik pemasaran termasuk penentuan market iaitu pasaran,



product iaitu sama ada dalam tin atau segar, harga, promosi, research and development: dan sebagainya. Inilah caranya kita melengkapinya untuk menghadapi saingan dari negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, price competition jelas sekali dari statistik ekport mengikut Laporan tahun 1986 Lembaga tadi. Sungguhpun eksport 1985/1986 meningkat dengan kadar 21,15% mengikut volume dan 2% raengikut nilai, harga satu peti jatuh daripada \$33.20 dalam tahun 1985 kepada hanya \$27.00 pada tahun 1986. Kejatuhan harga sebanyak \$6.00 untuk satu peti nenas kaleng iaitu hampir 20% kejatuhan. Lembaga harus meneliti dan mengambil tindakan terhadap trend ini.

Bagi pasaran tempatan, kegiatan pemasaran lembab sehingga terdapat banyak di supermarket-supermarket kita nenas tin iaitu nenas bercampur rambutan yang diimport daripada negara Thailand. Dalam hal ini, saya cadangkan supaya import nenas dalam tin dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tidak disebutkan dalam Laporan Lembaga, pasaran untuk fresh fruit iaitu buah segar, sama ada untuk pasaran tempatan atau luar negeri.

Pasaran untuk fresh market ini harus diaktifkan untuk kedua-dua pasaran. Kadang-kala bekalan tempatan untuk kawasan luar bandar pun tidak cukup dan langsung tidak ada. Dalam hal ini sistem distribusi harus dikaji semula supaya semua sektor diliputi. Untuk pasaran eksport iaitu dalam tin, saya mencadangkan supaya diaktifkan pasaran Soviet, China dan Kanada selain dari pasaran yang cergas seperti UK, Jepun, USA dan Jerman Barat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penyusunan semula Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu saya yakin segala masalah Lembaga dalam kegiatan pasaran, pengeluaran dan pengurusan industri nenas dapat diatasi dan prestasi ditingkatkan. Saya percaya dengan pelaburan terus oleh Lembaga dalam industri nenas terutama dalam membuka kawasan-kawasan baru, ini cadangan saya, iaitu seperti di Perak, Selangor dan Pantai Timur untuk pasaran sekitar masing-masing dengan pengawasan rapi serta pemberian insentif pasaran dan pengeluaran kepada industri nenas, terutama kepada penanam-penanam kecil, industri nenas ini akan aktif semula terutama ke arah peningkatan eksport dan pertambahan pasaran tempatan untuk nenas segar melalui kaedah promosi yang agresif seperti dilakukan untuk kelapa muda, buah-buahan tempatan dan ulam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Aionon.

### **3.12 ptg.**

**Puan Aionon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai suatu Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas 1957 ini. Sesungguhnya seperti kata sahabat saya tadi, mungkin kita sedar agak terlewat atas

pindaan 56 kerana kita tahu bagaimana baik dan bagaimana banyak usaha, bagaimana bagus pun hasil-hasil yang dikeluarkan, kalau pengurusannya lemah, kalau pentadbirannya kucar-kacir, pasti kita menghadapi kegagalan.

Jadi nyatalah, setelah memikirkan, mungkin setelah dicari segala akar umbi kenapa kegagalan berlaku di dalam industri nenas ini sedangkan berbagai-bagai usaha telah dibuat dalam mempertingkatkan daya pengeluaran ataupun pengeluaran dari industri nenas ini, kita telah tahu bahawa Kerajaan kita telah mengadakan berbagai-bagai rancangan membantu pekebun-pekebun kecil nenas ini selain daripada memberikan subsidi kepada permodalan, juga memberikan subsidi kepada benih, umpamanya seperti jenis nenas emas merah. Kemudian telah juga diberikan bantuan untuk tanam semula, kemudian diberi lagi bekalan baja. Sudahlah begitu, diberi pula bekalan penggalak bunga dan kemudian potong jambul pun Kerajaan campur tangan untuk nenas-nenas ini. Umpamanya selepas daripada pembuangan jambul, ataupun bahan penggalak bunga, Kerajaan juga memberikan beberapa bantuan dan nyata sekali di negara kita terlalu banyak nenas. Tiada apa yang kurangnya dari segi pengeluaran nenas itu sendiri. Yang menjadi masalah besar ialah petnasaran,

Saya bersetuju dan menyokong pendapat sahabat saya sebelum ini yang telah menggariskan beberapa pandangan-pandangan yang saya rasa positif yang mana ianya sama dengan hujah yang saya ingin kemukakan tetapi saya tidak akan ulangi lagi perkara yang telah diperkatakan-nya. Hanya saya memikirkan mungkin barangkali di antara kelemahan-kelemahan dan kemerosotan perdagangan hasil negara kita dari nenas ini ialah antaranya, bukanlah semuanya kerana pengurusan, antaranya ialah kerana hal atau kelemahan dari segi pengurusan.

Tuan yang di-Pertua, undang-undang yang kita pinda ini masih dalam bahasa Inggeris, maka izinkan saya membacakannya mengenai Seksyen 3:-

"Section 3(2) -

The Board shall consist of the following members who shall be appointed by the Minister".

Bermakna Menteri diberi kuasa untuk melantik seorang Chairman dan lain-lainnya. Saya ingin memberi pandangan mengenai perkara 3(a) "(2)(g) two persons to represent the interest of growers; and (h) the State Director of Agriculture, Johore". Nampaknya Johor sahaja berpeluang besar, sebab hanya Director of Agriculture, Johore sahaja boleh duduk dalam Board atau Lembaga ini. Maka saya juga mengharapkan dengan adanya kuasa Menteri ini melantik mereka yang duduk dalam Lembaga yang menjadi nadi penggerak kepada usaha dan pemasaran nenas, hasil negara yang boleh membantu rakyat jelata yang mencari kehidupan di lapangan kebun nenas ini benar-benar akan dikenalpasti oleh Menteri yang berkenaan supaya mereka benar-benar dari kalangan orang-orang yang otaknya, fikirannya, tumpuannya, perhatiannya memahami masalah ini, ada idea-idea yang baru, ada idea-idea baik. Kita tidak kurang pakar-pakar,

Banyak anak-anak muda kita telah kita hantar belajar ke luar negeri, telah kita pertingkatkan ijazah mereka, banyak yang sudah dapat PhD.. dalam hal-hal perdagangan seperti ini. Beri mereka peluang di samping orang-orang yang berpengalaman, macam sahabat saya baru ini, nampaknya expert, dengan izin, dalam perkara ini. Mungkin beliau juga boleh duduk menjadi penasihat kepada Lembaga yang berkenaan. Bagaimana caranya supaya perkara ini dapat kita usahakan dari segi pemasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya nenas ini sehingga ini pasaran kita ialah seperti kata sahabat saya ialah US, Jepun, United Kingdom dan Jerman Barat, Asia Barat, New Zealand dan lain-lain negeri. Malangnya kita menghadapi persaingan antara negara-negara ASEAN sendiri iaitu daripada Thailand dan Filipina yang mana mereka sanggup rugi sedikit tetapi mendapat pasaran yang baik di peringkat antarabangsa. Kenapa tidak kita meneroka di Middle East? Saya lihat ada dalam laporan ini mengenai penjualan atau pemasaran atau eksport dibuat ke Middle East, Asia Barat tetapi tidak begitu banyak jumlahnya. Mengapakah negara-negara yang seakan-akan sama selernya dengan negara-negara Asia atau yang suka kepada manis-manisan seperti nenas umpamanya, negara-negara Arab, mereka makan kurma, nenas lebih kurang kurma juga kalau diadun baik, tidak begitu baik pasaran kita. Di mana silapnya? Mungkin dari segi pengurusan, mungkin dari segi perhubungan (contact) dan mungkin dari segi strategi atau taktik.

Sebagaimana yang kita maklum, dalam perdagangan, perniagaan ini sangat utama dan sangat penting. Kita tahu bahawa nenas kaling boleh laku banyak. Semua orang di sini, barangkali hampir semua Yang Berhormat-Yang Berhormat ini sudah pun Haji atau Hajjah. Kita berkesempatan melihatnya di Mekah, di Madinah, di Jeddah dan kita tidak nampak adanya nenas ini dipasarkan, melainkan di Mekah ada nenas yang berbentuk halwa ataupun berbentuk macam kerepek dijual. Apabila ditanya, ianya datang dari Thailand. Negara Islam Malaysia, Mekah, Saudi Arabia, Islam majoritinya, di mana silapnya?

Nenas sebenarnya bagi wanita, memanglah seorang pun tidak menafikan iaitu sejenis buah yang boleh dipelbagaikan, boleh dijadikan kaling, ditin, boleh dijadikan jus, boleh dijadikan kuih-muih, dijadikan halwa, pajeri, rendang. Pajeri ini satu masakan rempah, kalau pandai buat, sedap. Minuman juga ada, ais krim juga boleh dan sambal - barangkali ini perkara baru. Sambal ini boleh ditinkan. Kalau hendak tahu resipinya, jumpalah saya, kerana kita sudah cuba. Rendang ini enak rasanya, kata orang Indonesia. Ini juga boleh ditinkan dan dipasarkan untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran dan hasil untuk nenas ini.

Saya rasa pemasaran dalam negara kita pun tidak begitu meluas, orang-orang kampung sendiri yang mempunyai nenas itu tidak dapat mengusahakan nenas itu selain daripada jual mentah atau jual yang freshnya sahaja. Mereka sendiri tidak tahu mempelbagaikan, bahkan mereka sendiri boleh buat, umpamanya halwa. Orang tua-tua, emak saya, pandai buat halwa nanas. Bukan main sedap, boleh dibuat makan hari-hari atau jualan tempatan dekat gerai-gerai dan lain-lainnya. Kementerian Pertanian atau KEMAS boleh masukkan perkara ini sebagai satu kempen besar-besaran macam pernah Dato' Seri Sanusi kempen kelapa muda, begitu baik, hebat sambutannya, maka adakan pula kempen makan nanas.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya rasa perkara peningkatan pemasaran di dalam negeri ini juga bergantung banyak kepada pengurusan-pengurusan. Jadi, dengan adanya pindaan kepada Akta kita pada hari ini dan saya percaya ianya akan lulus kerana insya Allah ke semua Senator-senator ini akan menyokongnya, maka saya rasa perkara-perkara yang kita bimbangkan ini, yang telah menyebabkan kemerosotan begitu tinggi seperti disebutkan oleh sahabat saya tadi akan dapat diatasi.

Ada seperkara di sini yang saya ingin menyentuh iaitu mengenai seksyen 10(1) di mana pihak Lembaga boleh melantik seorang executive officer. Ini bukan calang-calang tanggungjawabnya. Jadi, baik benarlah mereka itu dipilih daripada orang yang benar-benar mengetahui, benar-benar memahami, dan menghayati atas tanggungjawabnya kerana ada sabda Rasulullah s.a.w. daripada satu riwayat, tetapi Hadisnya Hadis yang agak dhaif yang menyebut: Sekiranya kamu berikan sesuatu itu kepada yang bukan ahlinya maka tunggulah kehancurannya.

Tuan Yang di-Pertua, semoga dengan Undang-undang ini kita dapat memberikan perlantikan-perlantikan seperti yang akan kita berikan kuasanya kepada Akta ini kepada yang ahli dan semoga segala masalah akan dapat diatasi.

Dengan ini, saya menyokong penuh Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas 1957 ini, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

#### **4.23 ptg.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan satu Akta untuk meminta Ordinan Perindustrian Nanas 1957.

Seperti mana sama-sama kita lihat dan satu peristiwa kepada masalah industri nenas ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah sejarah nenas di dalam negeri kita. Nanas di Johor ada sejarahnya. Satu masa beratus-ratus lori nenas dituang ke Sungai Skudai. Pekebun-pekebun kecil nenas di Pekan Nenas di Kampung Sawab, di Parit Semerah, di Parit Kudus, di Parit Baru, di Parit Othman, di Rambah Darat, di Parit Kahar mogok tidak mahu tanam nenas kerana tidak laku. Ini sejarah nenas,

Keluarga saya banyak, Tuan Yang di-Pertua, di Parit Baru, di Parit Othman, di Rambah Darat ada, di Sungai Bunyi ada, di Pontian di kawasan persekitaran Pekan Nenas itu. Jadi, mereka ini apabila satu masa keadaan nenas begitu tenat, mereka tidak mahu menanam nenas, kerana penghasilannya tidak menguntungkan, sekalipun satu ekar boleh ditanam hingga 10,000 - 14,000 pokok, tetapi kalau harganya 2 sen sebiji, berapa dapatnya setahun. Jadi, sebab itu mereka



mahu memilih tanaman yang lain tetapi. oleh kerana pada masa itu telah ada Lembaga Industri Nenas dan dilantik seorang pengerusi - minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya Encik Aziz Yassin, untuk menghidupkan dan menyelamatkan industri nenas ini, maka diminta supaya pekebun-pekebun kecil dan ladang-ladang nenas terus mengusahakan tanaman nenas ini demi hendak menjaga perindustrian nenas di dalam negara kita.

Bersaingan dengan itu di Selangor, Kerajaan meluluskan ribuan ekar tanah di Kuala Langat, di Seri Cheding untuk tanam nenas. Pada masa itu Menteri Pertanian ialah Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi. Apa jadi kepada ladang nenas yang ada di Kuala Langat? Hanya beberapa tahun sahaja kerana hasilnya tidak ada, tidak memuaskan penanam nenas, sekarang jadi ladang kelapa sawit. Ini sejarah nenas dan nenas yang kita ceritakan ini berlainan dengan nenas ulam, nenas cuci mulut yang biasa dipotong-potong buat cuci mulut selepas makan nasi miyak, buat cuci tangan hendak menghilangkan kesan-kesan nasi minyak ataupun nenas yang dibuat pajert. Nenas yang kita ceritakan ini ialah nenas khusus yang dikaleng, nenas yang akan ditinkan dan di pihak MARDI telah berusaha untuk mencari benih-benih nenas yang baik sehingga ditimbulkan satu jenis nenas baka Johor satu, tetapi juga hasilnya tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengira sangat mengenai dengan Ordinan ini, dengan undang-undang ini hendak melantik siapa, hendak menyelamatkan, hendak tambah duitkah asalkan industri nenas ini boleh selamat, boleh berjaya, boleh terus mendatangkan hasil kepada mereka yang berusaha dalam bidang nenas. Cuma yang saya mahukan ialah apakah Kerajaan benar-benar mahu menjadikan perusahaan nenas ini sebagai satu sumber hasil negara atau tidak. Kalau tidak, kita tutup

sahaja perusahaan nenas ini kerana daripada kajian-kajian kita dapati kemerosotan hasil nenas ini kerana beberapa ladang yang ada di Simpang Renggam - saya biasa masuk ke ladang itu, mereka sendiri sudah mula tanam kelapa sawit, sudah tidak mahu lagi tanam nenas tetapi oleh kerana adanya hubungan dengan Kerajaan, adanya lesen kilang, jadi mereka terpaksa meneruskan. Pengusahaan ladang nenas itu sekadar mana supaya barangkali lesennya jangan ditarik. Kalau dibolehkan lesen itu ditarik, diganti dengan kelapa sawit, sudah lama ditanam dengan kelapa sawit. Itu yang saya nampak.

Yang saya bawakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai nasib pekebun-pekebun kecil yang ada di sekitar kawasan Pontian, Pekan Nenas, Simpang Renggam yang bertanam nenas, yang nenasnya dijual kepada kilang yang dikalengkan Ini. Kalau kita tanya kenapa wak masih tanam nenas sedangkan hasilnya tidak memadai: mengikut undang-undang tak boleh, tanah ini tanah kawasan nenas mesti tanam nenas, kalau boleh tanam kelapa sawit, sudah lama tanam kelapa sawit. Ini masalahnya. Jadi, Kerajaan mesti memikirkan nasib petani-petani, pekebun-pekebun kecil yang menanam nenas itu. Dikatakan 15 tahun dahulu tanah itu tanah gambut, tak boleh tanam lain kecuali nenas, sekarang sudah 15 tahun berlalu, tanah gambut sudah habis.

Saya pergi ke Parit Kudus, saya pergi ke Parit Kahar, saya pergi ke Rambah Darat, saya pergi ke Sungai Bunyi, sudah habis gambutnya. Sebahagian daripada pekebun kecil yang di seberang tali-air yang bukan bumiputera sudah bertanam kelapa sawit, tetapi yang bumiputera masih disuruh tanam nenas kerana apa? Kerana apa ada diskriminasi dalam masalah ini.

Saya pergi ke kawasan Parit Sekom, kawasan Pulai Sebatang, Parit Baharom, Parit Othman dan sebagainya, tempat orang kampung

bertanam nenas, mereka sudah tidak mahu bertanam yang sebenarnya. Lain nenas yang ada di Jalan Yong Peng/Air Hitam, lain nenas yang ada di Chaah, di Paloh, nenas yang dijual di pekan Air Hitam, di sepanjang-panjang jalan Air Hitam/Yong Peng sampai ke Muar, itu nenas sarawak, nenas yang dimakan untuk suka-suka. Nenas kaleng ini sebenarnya orang kampung sudah tidak mahu tanam sebab rugi. Kalau dia tanam kelapa sawit dia lebih baik tetapi oleh kerana ada peraturan yang mengikat mereka, mereka bersetuju menjadi kawasan nenas, sebab itu mereka bertahan. Di sekeliling Pekan Nenas itiu sendiri sudah tidak ada lagi pokok nenas, tinggal sejarah sahaja.

Baru-baru ini saya pergi ke Kampung Sawah, Pekan Nenas dan terus, jalan Itu boleh keluar berpuluh-puluh kilometer daiam kawasan pendalaman yang dahulunya tempat nenas sekarang sudah tidak ada nenas, hidup kelapa sawit, tetapi sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, ada diskriminasi yang bukan bumiputera boleh tukar syarat kepada tanam kelapa sawit, yang bumiputeranya tidak boleh tukar. Ini kenapa?

Jadi saya minta pihak Kerajaan supaya memikirkan masalah ini kalaulah industri nanas ini bagi pekebun kecil sudah tidak menguntungkan kita tutup, biar kilang-kilang yang besar atau ladang-ladang yang empat lima ladang di negeri Johor yang mengusahakan nanas itu dia jalan terus operasinya. Saya juga mencadangkan supaya kalau Kerajaan menganggap bahawa nanas ini satu penghasilan negara yang mesti dipertahankan kita kena caci. kawasan-kawasan lain di Terengganu misalannya, di Kelantan misalannya, di Pahang Darul makmur misalannya, di Perak Darul Ridzuan, di Selangor Darul Ehsan sudah tidak ada tanah, ada baki-baki itu Bukit Cerakah hendak buat Hutan Lipur di Selangor sudah habis tanah. Sudah dibuka semua sekali. Jadi Kerajaan hendaklah mengalihkan pandangannya industri. nanas ini tidak di Johor sahaja, maknanya pergi ke negeri lain. Kalau perlu industri ini. Ya, kalau perlu kita pergi ke Sabah dan Sarawak yang tanahnya masih luas untuk dibuka. Kalau orang Sarawak mahu tanam nanas, orang Sarawak lebih suka tanam lada hitam sama lada putih.

Tuan Yang di-Pertua, tadi juga disebutkan supaya kita mengadakan usahasama kalau keperluan nanas kaling ini. di Asia Barat laku misalnya, kita tarik pelabur-pelabur daripada Arab yang banyak duit itu supaya membuat usahasama membuka ladang-ladang baru di Malaysia Ini untuk mengusahakan perusahaan industri nanas ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Allahyarham Dato Ali Haji Ahmad dan Allahyarham Tun Sardon dahulu membina satu kilang nanas yang besar di Pontian, sekarang kilang itu menjadi gajayh putib. Bangunannya tinggal tersergam menjadi, tidak tahulah, kita hendak kata.

Saya hendak kata tempat-tempat budak-budak menagih najis dadah saya tidak nampak tetapi saya tengok bangunan itu tinggal tersergam begitu sahaja. Mengapa dibiarkan membazir begitu sahaja? Dalam sesi mesyuarat yang lalu saya sebutkan mengapa bangunan Balai Polis Telok Datuk ditlnggalkan terbiac, sekarang sudah jadi bangunan Giat MARA - bagus telah dicat balik telah dibaiki balik, cantik. Bangunan Pejabat Daerah Sepang mengapa dibiarkan, sekarang dijadikan Pejabat-pejabat Mejistret sudah cantik, yang ini saya hendak sebut kerana apa ditinggalkan terbiar? Kalau perlu dijadikan satu pusat latihan apa-apa supaya jangan semak minta memandang, rakyat bercakap, apa Kerajaan membazir buang duit berpuluh-puluh ribu, juta-juta, suruh rakyat jimat cermat tetapi. Kerajaan sendiri tidak ada jimat cermat. Ini kita kena tengok, bekas kilang nanas di Pulau Sebatang. Tempat itu nama Pulau Sebatang. Luas kawasannya berpuluh ekar. Habis berkarat tangki-tangki air, mesin-mesin semua sekali karat.

Jadi, ini kenapa? Ini. saya sendiri pergi tengok tidak sepatutnya Kerajaan membiarkan begitu, kita kekurangan tempat-tempat hendak melatih anak-anak muda, tempat belia. Berikan, jangan dijadikan semak samun tempat nyamuk, tempat fokus, tempat penagih najis dadah, saya takut di situ tempat penyeludup pula tidur di situ. Penyeludup gudang garam diletakkan rokok gudang garam di situ. Kawasan Pontian ini tempat hitam dari segi penyeludupan dari Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan dalam masalah ini dan yang akhirnya saya ingin tanya mengapa Lembaga ini tidak berpengerusi., sehingga Pengerusi yang akhir meletakkan jawatan? Apa tidakkah ada orang yang sanggup atau

memang Kerajaan lupa dalam hal ini. Kalau tidak ada pilihlah salah seorang Senator menjadi Pengerusi Lembaga Nenas, biar semua lidah kita pedas makan nanas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan dalam masalah ini, saya bercakap dalam Akta Perindustrian Nanas ini mengenai nasib pekebun-pekebun kecil yang tidak ramai pun, kalau kita tengok dalam laporan ini yang diluluskan pekebun-pekebun kecil ini untuk tanam semula 514 orang; yang tidak lulus 157, maknanya tidak sampai 1,000. Mengapa kita hendak aniyakan yang tidak sampai 1,000 orang ini, suruh tanam nanas? Itu saya minta mengapa kita hendak aniyakan dia? Kalau kita tanya dia tiap-tiap satu dia kata saya tidak mahu lagi tanam nanas, saya mahu tanam kelapa sawit. Pergilah ke tempat-tempat itu, tinjau dari hati ke hati, tinjau betul-betul. Mereka sedar kalau mereka tanam nanas sahaja mereka tidak akan menjadi seperti keluarga yang lain, seperti juga orang sekarang bertanam kelapa biasa mereka tidak yakin lagi dengan pasaran kelapa biasa dengan adanya minyak kelapa sawit. Pergi ke Rengit, pergi ke Benut, pergi ke Singgarang, pergi ke Kores, pergi ke Sungai Lurus tengok bagaimana petani-petani yang menanam kelapa biasa itu merasakan mereka patut menukar kepada tanaman yang lain yang lebih menguntungkan tetapi kerana kita memikirkan bahawa kawasan itu kawasan kelapa, tanamlah kelapa. Tanam kelapa kita dapat benih kelapa yang kurang baik. Apabila suruh tanam nanas kita tanam nangka yang tidak tahu cantuman atau macam mana ini kita pun tidak tahu. Nenas emas merahkah, nanas moris minorkah, dahulu orang kata nanas moris minor di Johor itu, nanas moris yang kecil. Sekarang tukar kepada nanas Johor One, saya pun tidak tahu nanas Johor One, rupa nanas Johor One ini apabila di-

belah batang dalam itu besar, Batang itu besar lengan. Batang, kata mempulur besar, jadi apabila ditinkan rugi. Sebab batang kena buang isi tinggal sedikit. Jadi macam mana hendak mengecilkan batang itu kena memakan nanas banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cerita bantuan tanaman semula atau program-program yang lain, saya percaya bagi pihak yang menjalankan perusahaan nanas di stesen ini cuba hendak menghidupkan sebaik-sebaiknya tetapi seperti dibangkitkan 10-15 tahun yang lalu kalau kebun nanasnya ada di Johor, mengapa Pengarahnya, Pengerusinya duduk di Kuala Lumpur? Ini yang jadi masalah. Sepatutnya orang ini duduk di Johor, duduk di pekan nanas dekat Sekudai atau duduk di Pulau Sebatang supaya betul-betul boleh bergaul. Ini sebab pakai sistem penjajah, estetnya di Malaya tuannya duduk di England. Dipunggahnya hasil. Ini tidak boleh sebab kita ini bukan penjajah, kita hendak membangunkan industri nanas ini. Jadi Pengurus Besar-nya, atau Pengerusinya tidak boleh duduk di Kuala Lumpur tetapi kerana dipinjamkan barangkali memangku, duduklah di Pusat Dayabumi. Sebulan sekali pergi ke sana tengok dia punya perbelanjaan, dekat nyata kira-kiranya. Begitu sahajalah, lain-lama habislah duit yang diperuntukkan oleh Perbendaharaan itu. Untungnya tidak ada. Jual nanas makin merosot.

Tuan Yang di-Pertua saya takut nanti macam jadi satu Lembaga yang pernah kita pupuskan, lupuskan dalam Dewan ini, kita pernah dalam satu mesyuarat menghapuskan satu Lembaga/Agensi Kerajaan yang sudah tidak perlu. Saya takut tahun depan Lembaga Perusahaan Nanas Ini minta Dewan Negara meluluskan supaya tutup, kunci kira-kiranya

pindah Kementerian Pertanian sebab pokok. Itu sahaja ceritanya nanti. Senang sahaja kita Ini. Tidak boleh buat tutup, boleh buat jalan sementara jalanlah macam semut merangkak-rangkak pun tidak apa asal ada.

Jadi, kalau kita mengambil kira 'asal ada' oh Malaysia ada kilang nanas, nanas sekaling. Kalau dicakap di luar pun nanas sekaleng ini, apa "kaleng" ini? Tentera Belanda melempang orang-orang Indonesia ini sebab kaleng, nanas tin. Sebab orang tahu nanas tin. Nanas Malaysia, kilang Malaysia tetapi kita dapat tahu ada yang kertasnya copnya lain negeri buat. Dia dapat nama. Negeri itu tidak ada tanam nanas tetapi dia ada nanas kaleng. Orang curi nanas kita, sedarkah kita tentang hal itu? Jadi, ini perhatian yang sepatutnya diambil oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Lembaga yang ada sekarang ini kita tidak boleh salahkan kalau nenasnya makin merosot. Sebab pasaran barang kita orang tidak mahu beli kita hendak cakap apa? Dahulu kata Kuwait beli nanas kaleng kita, sekarang dia tidak beli lagi, sudah lima enam juta kita tidak dapat duit. Kita hendak salahkan Kuwait tidak boleh, kenapa ante tidak mahu beli ana punya nanas? Dia kata, ante punya nenas 'masyam' [**Ketawa**]. Nantilah ana campur ana punya nanas sama rambutan, lagi kecut. Bukan 'masyam' lagi kecut. Kebut itu lebih teruk masamnya. Inilah dia!



belah batang dalam itu besar. Batang itu besar lengan. Batang, kata mempulur besar, jadi apabila ditinkan rugi. Sebab batang kena buang isi tinggal sedikit. Jadi macam mana hendak mengecilkan batang itu kena memakan nanas banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cerita bantuan tanaman semula atau program-program yang lain, saya percaya bagi pihak yang menjalankan perusahaati nanas di stesen ini cuba hendak menghidupkan sebaik-sebaiknya tetapi seperti dibangkitkan 10-15 tahun yang lalu kalau kebun nanasnya ada di Johor, mengapa Pengarahnya, Pengerusinya duduk di Kuala Lumpur? Ini yang jadi masalah. Sepatutnya orang ini duduk di Johor, duduk di pekan nanas dekat Sekudai atau duduk di Pulau Sebatang supaya betul-betul boleh bergaul. Ini sebab pakai sistem penjajah, estetnya di Malaya tuannya duduk di England. Dipunggahnya hasil. Ini tidak boleh sebab kita ini bukan penjajah, kita hendak membangunkan industri nanas ini. Jadi Pengurus Besar-nya, atau Pengerusinya tidak boleh duduk di Kuala Lumpur tetapi kerana dipinjamkan barangkali memangku, duduklah di Pusat Dayabumi. Sebulan sekali pergi ke sana tengok dia punya perbelanjaan, dekat penyata kira-kiranya. Begitu sahajalah, lama-lama habislah duit yang diperuntukkan oleh Perbendaharaan itu. Untungnya tidak ada. Jual nanas makin merosot.

Tuati Yang di-Pertua, saya takut nanti macam jadi satu Lembaga yang pernah kita pupuskan, lupuskan dalam Dewan ini, kita pernah dalam satu mesyuarat menghapuskan satu Lembaga/Agensi Kerajaan yang sudah ildak perlu. Saya takut tahun depan Lembaga Perusahaan Nanas ini minta Dewan Negara meluluskan supaya tutup, kunci kira-kiranya

pindah Kementerian Pertanian sebab pokok. Itu sahaja ceritanya nanti. Senang sahaja kita ini. Tidak boleh buat tutup, boleh buat jalan sementara jalanlah macam semut merangkak-rangkak pun tidak apa asal ada.

Jadi, kalau kita mengambil kira 'asal ada' oh Malaysia ada kilang nanas, nanas sekaling. Kalau dicakap di luar pun nanas sekaleng ini, apa "kaleng" ini? Tentera Belanda melempang orang-orang Indonesia ini sebab kaleng, nanas tin. Sebab orang tahu nanas tin. Nanas Malaysia, kilang Malaysia tetapi kita dapat tahu ada yang kertasnya copnya lain negeri buat. Dia dapat nama. Negeri itu tidak ada tanam nanas tetapi dia ada nanas kaleng. Orang curi nanas kita, sedarkah kita tentang hal itu? Jadi, ini perhatian yang sepatutnya diambil oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Lembaga yang ada sekarang ini kita tidak boleh salahkan kalau nenasnya makln merosot. Sebab pasaran barang kita orang tidak mahu beli kita hendak cakap apa? Dahulu kata Kuwait beli nanas kaleng kita, sekarang dia tidak beli lagi, sudah lima enam juga kita tidak dapat duit. Kita hendak salahkan Kuwait tidak boleh, kenapa ante tidak mahu beli ana punya nanas? Dia kata, ante punya nenas 'masyam' [**Ketawa**]. Nantilah ana campur ana punya nanas sama rambutan, lagi kecut. Bukan 'masyam' lagi kecut. Kecut itu lebih teruk masamnya. Inilah dia!

Jadi, kalau ada usaha-usaha membuat macam mana nenas campur rambutan, nenas campur yang lain-lain; sekarang timbul di Terengganu tanam buah salak, ini nanti akan ada lembaga industri pokok salak pula. Pergi ke Terengganu berapa harga sebiji, seumah katanya, tetapi nanti dahulu bang, benda ini tidak manis, tidak serupa salak Indonesia. 'Gopo pulak', tak tahu, tanah tidak sesuai. Dah, tanah tidak sesuai pula. Bermati-mati hendak tanam salak di Terengganu, hendak menjadikan satu kawasan industri buah salak hendak lawan kerana orang kita banyak pergi melancong ke Medan, balik bawa buah salak, pergi ke Danau Toba, balik bawa buah salak, terutama rombongan UMNO ini asal pergi, balik bawa buah salak. Jadi, Terengganu tanam pokok salak. Alhamdulillah, tetapi buahnya masam, nenas masam, buah salaknya masam.

Kita lupa kepada satu industri iaitu duku Muar, yang kita dengar sekarang duku langsung, duku Sumatera, duku Pelembang tetapi duku Muar orang lupa.

Saya syorkan kepada MARDI supaya mencari jalan bagaimana hendak membiakkan benih duku Muar. Duku Muar lain daripada yang lain, yang ada hanya di Muar sahaja, Parit Jawa masuk ke Melaka sampai ke Sungai Rambai, sampai ke Merlimau dia padam, dia tidak mahu kerana kalau naik tetnpat lain nanti dia masam, di Muar dia manis, Ini cuba dibiakkan.

Kalau hendak ganti dengan industri nenas dengan duku itu boleh dikalengkan, duku kaleng, buah salak kaleng, nenas kaleng dicampurkan jadi tidak masam. Kita tidak mahu hasil kita diperendahkan oleh orang. Disebutkan hari itu di dalam kaleng kita ada benda sehingga orang marah, secara kebetulan tetapi kadang-kadang oleh kerana sains

dan teknologi sekatang iui sudah begitu meningkat, kalau dahulu benda-benda yang dalam tin begitu tahan empat bulan, lima bulan dia sudah bertukar warna, tetapi mungkin sekarang dengan adanya bahan-bahan kimia yang lain, dia boleh tahan satnpai setahun, setahun setengah, dua tahun. Jadi, industri ini pada masa depan ada harapannya jika sekiraiiya tnereka yang diberikan tanggungjawab untuk menyelamatkan industri nanas ini benar-benar mendapat, yang pertama mendapat pasaran yang baik di dalam dan di luar negeri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalan kita punya perajurit dalam negara kita ini dibekalkan ransomnya (ration) satu minggu satu tin nenas, saya rasa pun boleh tahan juga banyaknya laku dripada dia minum "Coke". Minum "Coke", digoncang-goncang sampai berbueh boleh jadi khayal. Budak-budak askar kita, PPH kita yang jaga lebuhraya di sana dibekalkan dengan nanas kaleng, jangan dibekalkan minuman-minuman dalam tin. Saya tenguk budak-budak kita di Lebuhraya Timur/Barat sana, main goncang minuman dalam tin, dia kata ini syok Encik. Jadi, kalau dibagi bekalan dengan minuman nanas sekaleng ini, barangkali dia tidak boleh goncang, sebab kalau goncang makin masam.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja sokongan saya kepada Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas 1957 yang sudah berumur 30 tahun sama dengan umur merdeka negara kita ini. Akta ini dalam bahasa Inggeris, kita pindalah kepada Bahasa Malaysia, ambil sempena hari ini pelancaran 'Gerakan Cintai Bahasa Kita',

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Jadi, kalau kita tidak gunakan siapa lagi hendak gunakan. Kalau kita masih gunakan ini, jangan salahkan orang lain gunakan bahasa ini.

Mengenai perkara-perkara yang disebutkan Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4 tadi telah saya nyatakan, saya tidak akan menyentuh itu kerana saya ingin melihat bahawa industri nenas ini pada pendapat saya kalau-Kerajaan yakin kita boleh teruskan, kalau Kerajaan yakin benda ini tidak menguntungkan, kita tutup. Tanah-tanah itu kita tanam dengan tauaman yang lain.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Habidah.

4.46 ptg.

**Puan Habidah binti Yusof:** Tuan Yang di-Pertua-, saya juga mengambil bahagian untuk turut serta menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas 1957.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini diluluskan supaya ia benar-benar berfungsi menaikkan nama baik negara kita di mata dunia di dalam pengeluaran nenas yang mana ini akan mewujudkan petani-petani ataupun pekebun-pekebun nenas yang mahir dan mampu mengadakan kllang memprosesnya. Juga agar ianya menjadi hasil negara yang berluasa dan positif.

Tuan Yang di-Pertua, perusahaan nenas apabila diberi nafas baru nanti, kita harap tidaklah menjadi makanan kampung sahaja, bahkan ia boleh diusahakan secara besar-besaran di seluruh negara kerana bukan sahaja tanamannya mudah di mana-mana sahaja boleh tumbuh dengan subur, apa lagi kalau diberi perhatian yang serius dari pihak yang berwajib. Untuk tidak menghampakan harapan rakyat dengan Rang Undang-undang ini maka Kementerian yang berkenaan perlu memberi gambaran yang sejelas-jelasaya kepada maksud perusahaan nenas **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 Ordinan, takrif "canned pineapple" diperluaskan bagi merangkumi nenas yang dicampur dengan buah lain untuk mengawal

amalan-amalan salah yang yang tertentu dalam perindustrian ini. Pindaan ini adalah wajar kerana nanas juga boleh dicampur dengan buah-buah lain, misalnya, rambutan dan lain-lain buah-buah tempatan yang begitu banyak di negara kita.. Sepertimana yang disuarakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi iaitu katanya kalau campur dengan buah salak dari Terengganu masam jadinya.

Saya rasa buah salak yang dikatakan masam itu tidak begitu tua ataupun tidak begitu masak lagi dipetik. Kerana setahu saya dan dari pengalaman saya sendiri buah salak yang ditanam di Terengganu juga manis dan enak rasanya. Kerana datuk saya sendiri pernah menanam pokok ini dan masih wujud di kampung orang tua saya, kalau kita betul-betul mengambil buah ini dengan cara yang baik, yakni buah itu sudah begitu ranun ataupun sudah begitu tua tidak akan masam rasanya. Jadi, sebab itulah kalau pihak Kerajaan Terengganu memohon peruntukan dari pihak Kerajaan Pusat untuk menanam buah salak ini, saya rasa memanglah perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pengesyoran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini iaitu supaya projek perindustrian nenas ini juga diluaskan di negeri-negeri yang kebanyakan tanahnya sesuai untuk ditanam dengan nenas seperti di Terengganu, misalnya di kawasan Sungai Tong ataupun di Kuala Berang, Terengganu tanahnya begitu subur dan terdapat buahnya begitu besar-besar dan manis-manis juga rasanya, begitulah di negeri-negeri yang lain seperti Kelantan, Pahang dan lain-lain. Dan disyorkan juga supaya diwujudkan pula kilang-kilang nenas di sebelah Pantai Timur, barulah rasanya kalaulah pengwujudan tanaman ini di negeri-negeri yang berkenaan, maka nenas itu dapat diproses dengan segera.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong Rang Undang-undang Pindaan ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan Nam.

#### **4.51 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang saya juga turut sama mengambil bahagian untuk membahaskan satu Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nenas 1957 dan Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Nenas (Pindaan) 1987 setelah tarikh penguatkuasaan ditetapkan oleh Menteri berkenaan.

Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian di Dewan yang mulia ini baru-baru ini. Ordinan ini telahpun dibuat sejak tahun 1957, iaitu tarikh kemerdekaan negara kita dan kita telahpun mencapai 30 tahun merdeka. Rang Undang-undang ini saya rasa sudah

sepatutnya tidak ada lagi uaskhah sahihnya dalam bahasa Inggeris dan supaya dapat ditukarkao terus ke dalam Bahasa Kebangsaan kerana nenas ini saya rasa bukanlah banyak melibatkau ayat-ayat ataupun perkataan-perkataan yang tiada boleh difaham. Oleh itu diharapkan supaya pindaan-pindaan yang akau datang ini dapat dibuat terjemahannya semua dalatn Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu lagi iaitu sejak Rang Undang-undang ini dibuat sebelum tahun 1957, negara kita inilah yang banyak sekali mengelnarkan perindustrian nenas, lebih-lebih lagi terdapat pengeluaran yang terbanyak pada satu masa dahulu nenas ini di negeri Johor, tetapi ada kemungkinan disebabkan penjagaan perusahaan ini tidak dijaga dengan baiknya atau lain-lain faktor, seperti masalah pemasaran dan sebagainya, akhirnya pengeluaran nenas di negeri kita ini sudah berkuraugan sekarang. Dan negara lain pula telahpun mengambil kesempatan untuk menjadikan estet-estet yang besar dan perindustrian yang besar seperti Thailand, Filipina dan negara-negara lain telah mengambilalih apa yang kita telah kerjakan dahulu dan sekarang kita telah tinggal kebelakangan. Nampaknya dalam masalah ini pihak Kerajaan cuba untuk kembali membaiki dan meluaskan kembali perusahaan perindustrian nenas di dalam negara kita ini. Oleh itu diharap dalam masalah ini banyak masalah yang patut kita sama-sama, khususnya Kerajaan, pihak orang ramai, pihak ahli-ahli politik supaya dapat bersama, kita akan menyokong bersama usaha dengan rakyat agar rakyat akan dapat menanam lebih banyak nenas dan di samping itu akan menambah salah satu lagi pendapatan wang negara kita yang boleh menjadi hasil kepada negara kita ini.



Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah atau komposisi Lembaga yang mana ini akan ditambah dari Perbendaharaan serta Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Diharap dalam mengendalikan masalah ini ahli-ahli yang berkenaan ini juga mesti tahu serba sedikit soal nenas, kalau tidak, undang-undang ini tetap dengan undaug-undang tetapi pelaksanaannya tidak akan berjalan, akhirnya apa sahaja perancangan yang dibuat oleh Kerajaan akan menemui kegagalan. Ini termasuk juga pegawai eksekutif yang akan dilantik oleh Kerajaan. Saya harap pegawai ini juga supaya benar-benar akan memahami soal nenas. Kita tidak mahu pegawai yang tahu soal getah tetapi dihantar kepada nenas, tentu sekali dalam masalah nenas tidak akan dapat berjalan. Oleh itu kita mengharapkan pegawai-pegawai yang berkenaan akan memahami selok belok nenas, sebab mereka inilah yang akan bertanggungjawab.

Dalam perlantikan pengarah-pengarah ini hendaklah supaya dapat juga dilantik daripada negeri-negeri lain yang ada mengeluarkan banyak nenas, umpamanya di negeri Selangor sendiri banyak juga ladang-ladang nenas yang telah dibuka. Mereka ini juga perlu dimasukkan ke dalam . Ahli Lembaga supaya dapat menolong Ahli-ahli Lembaga yang lain bagi meluaskan masalah penanaman nenas ini.

Soal lain, kita meagharapkan juga di samping kita telah menyediakan nenas ini supaya pasaran dari luar negeri, ini juga patut diambil ingat serta diambil kira oleh pihak-pihak berkenaan, terutamanya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana kita lihat kadangkala apa sahaja pengeluaran negeri kita umpamanya nenas, kelapa sawit, buah-buahan dan seterusnya, apabila kita pergi keluar

negeri, negeri lain yang mengambilalih, umpamanya jiran kita negeri Singapura, misalnya, tidak ada kelapa, tidak ada nenas, tidak ada rotan manau dan sebagainya tetapi kita lihat di luar negeri benda-benda ini diimport dan ditulis di belakang tinnya "diimport"dari negeri jiran berkenaan. Apakah sebabnya sedangkan kita adalah pengeluar utama barang-barang berkenaan, tetapi negara lain yang mengambilalih dan mengambil keuntungan. Inilah harapan kita supaya Lembaga ini berusaha bersungguh-sungguh nanti supaya kita meng-eksport barang-barang nenas keluar negeri supaya mereka ini dapat membeli dan datangnya dari Malaysia sendiri, bukan melalui negara jiran dan sebagainya.

Selain daripada itu, dalam penanaman nenas ini juga hendaknya kita usaha, pihak Kerajaan mengarahkan orang kampung menanam nenas tetapi akhirnya apabila mereka telah menanam nenas, banyak hendak dijual tidak dapat. Oleh itu peranan FAMA juga perlu mengambil peranan yang penting dalam soal ini. Jikalau tidak, penanam-penanam nenas yang tanahnya hanya satu ekar, dua ekar ini akan lari mening-galkan tanaman nenas ini kerana hasil-hasil mereka tidak dapat dipasarkan sama ada di dalam atau luar negeri. Dan juga pihak ber-kenaan, umpamanya MARDI perlu dapat membuat penyelidikan supaya nenas yang dikeluarkan di dalam negara kita ini rasanya manis, isinya baik, tahan.latna, apabla dieksport keluar negeri tidak busuk dalam satu minggu atau dua minggu. Jika nenas kita berkeadaan baik dan tahan lama, tidak busuk, pihak negara luar akan tertarik untuk membeli nenas daripada negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali di sini saya ingin menges.ahm dari pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu sejak Akta Perusahaan Nenas ini diadakan pada tahun 1957 hingga sekarang sudah berapa banyakkah kilang-kilang perindustrian nenas didirikan dan sudah berapa banyak pula yang telah ditutnp kilang berkenaan, jika ada, di negara kita ini disebabkan tidak dapat pasaran dan sebagainya, Berapa peratiibkah penduduk ncgara ini yang bergantung kepada perusahaan nenas atan seoagai petani menanam nenas?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini, Saya berharap supaya Rang Undang-undang ini akan dapat berjalan dengan sebaik-baiknya serta mudah-mndahan perindustrian nenas negara kita ini akan maju dan akan dapat rnenolong penduduk di luar bandar menjual hasil tanaman-tanaman mereka.

Dengan ini sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada lagi, kalau tidak ada perbahasan, dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**5.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggulung perbahasan ini bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama. Saya mengucapkan terima kasih ke atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini. Saya telah mengambil maklum ke atas pandangan-pandangan dan ulasan-ulasan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya akan cuba menjawab pandangan-pandangan dan ulasan-ulasan yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator adalah melibatkan perkara-perkara tentang meningkatkan perusahaan nanas, meningkatkan pengeluaran buah nanas dan mutunya serta cara-cara untuk memperluaskan pasaran nanas kaleng Malaysia. Terdapat juga soalan-soalan mengenai meningkatkan prestasi pentadbiran Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu.

Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay dan juga Senator Dahalan Haji Embun telah memberikan pandangan bahawa perkembangan industri nanas pada masa ini adalah statik dan ingin mengetahui sama ada Kerajaan akan membuat kajian yang teliti untuk memajukan industri nanas kalengnya,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perusahaan nanas tidak berkembang dengan cepatnya kerana sebahagian daripada pekebun-pekebun kecil telah mengubah tanaman nanas mereka kepada kelapasawit di atas tanah-tanah gambut yang kurang daripada 10 kaki oleh kerana harga minyak kelapasawit yang telah meningkat dan lebih lumayan pendapatannya.

Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk terus menggalakkan perusahaan ini, terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil yang ingin menanam nanas sebagai tanaman tunggal. Usaha-usaha akan diberikan supaya tananam nanas yang akan dijalankan adalah secara tanaman estet, kerana hanya dengan cara ini sahaja mutu dan pengeluaran dapat dipertingkatkan lagi.

Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon, Senator Ng Peng Hay dan Senator Haji Abdul Majid Abdullah, Senator Datuk Haji Nasir Manap telah membangkitkan kemungkinan pengeluaran nanas dipertingkatkan lagi dengan menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyediakan kawasan bagi penanaman nanas.

Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay telah mencadangkan supaya tanah-tanah yang terbiar atau tanah-tanah T.O.L. digunakan untuk penanaman nanas. Sukacita saya memaklumkan bahawa buat masa ini penanaman nanas untuk kaleng hanya terdapat di Johor. Lagi pun nanas pada masa ini hanya ditanam di atas tanah gambut. Dalam usaha untuk memperluaskan perusahaan ini, Kementerian Perusahaan Utama akan bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang sanggup menyediakan tanah untuk tanaman nanas untuk dikalengkan.

Memandangkan bahawa nanas selepas dikutip perlu dikalengkan secepat mungkin adalah mustahak bahawa sebarang projek penanaman nanas mesti dijalankan secara integrasi. Ini bererti projek penanaman nanas mesti lengkap dengan kilang nanasnya yang dibina berdekatan dengan estet yang akan diusahakan nanti.

Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon, Senator Ng Peng Hong, Senator Haji Abdul Majid Abdullah telah membangkitkan perkara untuk meningkatkan mutu nanas kaleng di Malaysia yang mereka dapati kurang memuaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum nanas kaleng dieksport ke luar negeri, sample

telahpun diambil oleh Unit Merinyu untuk dikaji terlebih dahulu. Ini ialah bagi memastikan mutu nanas yang dieksport mencapai tahap mutu yang memuaskan.

Mengenai pemasaran, Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon dan Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid Abdullah telahpun membuat cadangan supaya usaha-usaha dipertingkatkan lagi bagi memperkenalkan nanas kaleng ke negara pembelinya. Cadangan juga telahpun dibuat supaya rombongan dihantar untuk menggalakkan pemasaran tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nanas kaleng Malaysia telahpun dieksport ke 36 buah negara. Pembeli terbesar pada tahun 1986 ialah Amerika syarikat, diikuti oleh negara-negara Asia Barat, United Kingdom, Jepun dan Jerman Barat. Usaha-usaha sentiasa diambil bagi menggalakkan pemasaran nanas kaleng Malaysia, Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu mempunyai sebuah pejabat di London bagi tuuan menggalakkan penjualan nanas di United Kingdom dan Eropah.

Untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu, Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid Abdullah telah meminta supaya Lembaga Perusahaan Nenas berfungsi dengan lebih berkesan. Ingin dinyatakan di sini bahawa dengan kelulusan Rang Undang-undang ini yang akan menyediakan beberap kuasa tambahan kepada Lembaga. Lembaga, boleh berfungsi dengan teliti berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat Senator Dahalan Haji Embun telah juga membangkitkan berkenaan dengan pemasaran yang perlu dipertingkatkan untuk menghadapi persaingan daripada negara-negara lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat.,

tindakan sentiasa diambil untuk menggalakkan pemasaran nanas kaleng di Malaysia dan rombongan telahpun dihantar ke luar negeri untuk menggalakkan pemasaran tersebut. Seperti saya katkan tadi, terdapat sebuah pejabat Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu di London untuk menggalakkan pemasaran di United Kingdom dan Eropah. Dan mungkin akan diperkembangkan lagi ke tempat-tempat lain seperti yang dicanangkan oleh Yang Berhormat Senator Dahalan dan Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin juga telah pun membangkitkan bahawa masalah utama yang dihadapi ialah pemasaran juga dan sekali lagi ingin saya nyatakan di sini bahawa pengimport utama nanas kaleng, walaupun seperti dinyatakan tadi United States, nanas kaleng juga telah dieksport di Middle East ataupun di Asia Barat. Dalam tahun 1986 sejumlah 468,500 case piayai telahpun dieksport ke Middle East. Ini merupakan lebih kurang 2.3% daripada jumlah eksport nanas ke luar negeri pada tahun 1986.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom telahpun membangkitkan hal berkaitan dengan nasib pekebun-pekebun kecil yang terpaksa menanam nanas walaupun nanas tidak memberikan pulangan yang memuaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Haji Shaharom, walaupun tanah yang ditanam dengan nanas itu adalah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat terdapat mengikut undang-undang, pemilik-pemilik tanah tersebut boleh meminta supaya syarat tanah tersebut ditukarkan dan ini terpulanglah kepada pejabat-pejabat tanah di negeri masing-masing di mana permohonan itu dibuat.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom juga membangkitkan mengapa begitu larna tidak ada Pengerusi Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun tldak ada Pengerusi, kita telah melantik seorang Pemangku Pengerusi yang biasanya adalah wakil daripada Kementerian Perusahaan Utama. Walaupun demikian, kerja-kerja harian di pejabat Lembaga adalah dijalankan oleh Setiausaha Lembaga tersebut dan pejabatnya terletak di Johor Bharu. Dengan perlantikan Pengerusi melalui pindaan yang dibuat pada Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Ordinan Perindustrian Nanas, 1957, lebih perhatian akan diberikan kepada perusahaan ini, terutama kepada operasi Lembaga yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga ini juga ada mempunyai cawangannya di Pontian, Johor,

Yang Berhormat Senator Puan Habidah Jusoh telah meminta supaya digalakkan nanas yang dikaleng dengan buah-buahan yang lain. Untuk makluman Senator Habidah, buat masa ini juga terdapat buah nanas itu dikalengkan dengan buah-buahan lain seperti buah rambutan dengan buah betik dan nanas campuran yang dikalengkan ini mendapat sambutan pasaran yang amat menggalakkan, terutama di negeri Jepun.



Tuan Yang di-Pertua, Senator Hassan Nam telahpun bercakap ataupun mengharapkan supaya mereka yang dilantik ke Lembaga Perusahaan Nanas ini dapat mendalami dan fasih di dalam hal-hal yang berkaitan dengan nanas. Untuk maklumat Yang Berhormat, Kerajaan akan menentukan bahawa wakil-wakil yang dilantik dalam Lembaga yang dilantik kemudian, juga termasuk Ketua Eksekutif mesti dan seharusnya memahami hal-hal yang berkaitan dengan nanas.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mungkin semasa saya menggulung ini saya tidak dapat menjawab semua hal-hal yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih dan jika sekiranya terdapat apa-apa pandangan yang tidak disebutkan di sini kemungkinan besar Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang wajar yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.14 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya membentangkan Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda dan mengemaskinikan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 supaya dia lebih berkesan dalam mencapai matlamat Akta tersebut iaitu bagi:-

- (1) Mengawalselia penggunaan mesin cetak dan percetakan serta pengimportan dan penghasilan semula penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan demi memelihara ketenteraman awam dan kepentingan negara.
- (2) Akta tersebut menetapkan kesalahan-kesalahan dan tindakan-tindakan tertentu dengan memberi kuasa kepada Menteri untuk meluluskan atau menolak, membatalkan atau mengantung sesuatu lesen atau permit atas sebab-sebab tertentu. Pihak berkuasa juga berhak untuk mengawal percetakan, pengimportan, penjualan, pengedaran dan pemilikan hasil penerbitan yang tidak diingini Akta tersebut adalah bertujuan untuk mencegah mereka yang terlibat dalam percetakan dan penerbitan daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan kepentingan serta keselamatan negara.

- (3) Adalah ditekankan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menyatakan dengan jelas bidang kuasa Menteri dan pihak-pihak berkuasa lain dan mewujudkan beberapa peruntukan baru dengan maksud untuk mengatasi kelemahan yang ada pada Akta asal.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan dengan secara ringkas Fasal-fasal dalam Rang Undang-undang ini dan tujuan pindaan yang dicadangkan:-

(1) **Fasal 2 -**

Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 3 dengan menggugurkan perkataan "atau diperbaharui" di dalam Seksyen (5) Seksyen itu.

Tujuan pindaan ini adalah untuk mengatasi kekeliruan yang timbul sekarang dengan penggunaan rangkai-kata "atau diperbaharui".Pindaan ini menghapuskan konsep pembaharuan lesen. Dengan pindaan ini maka ianya menjelaskan bahawa tempoh sah laku sesuatu permit ialah tempoh yang dinyatakan di dalam permit itu. Seseorang pemegang permit hendaklah memohon permit baru apabila tamat tempoh sah laku permitnya.

(2) **Fasal 3 -**

Fasal 3 Menggantikan subseksyen (1) kepada Seksyen 7 dengan satu subseksyen baru. Tujuan pindaan ini ialah untuk menambah satu lagi sebab yang boleh digunakan oleh Menteri untuk melarang pencetakan, penjualan, pengimportan, pengedaran atau pemilikan sesebuah penerbitan.

Di bawah peruntukan sekarang Menteri boleh berbuat demikian jika beliau berpuas hati bahawa kandungan sesuatu penerbitan memudaratkan ketenteraman awam, moral, keselamatan, kepentingan awam atau negara atau yang berlawanan dengan undang-undang.

Dengan pindaan baru ini Menteri boleh melarang sesuatu penerbitan jika penerbitan itu mengandungi perkara-perkara yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai.

Subseksyen (1) yang baru ini juga memberi kuasa kepada Menteri, untuk melarang hasil-hasil penerbitan masa hadapan penerbit yang berkenaan.

(3) **Fasal 4**

Fasal 4 mewujudkan 3 seksyen baru iaitu Seksyen 8A, 8B dan 8C. Seksyen 8A menjadikan perbuatan menyiarkan berita yang tidak benar dengan niat jahat sebagai satu kesalahan di bawah Akta ini.

Di bawah peruntukan baru ini seseorang pencetak, penerbit dan pengarang penerbitan yang berkenaan serta penulis laporan atau makalah berkenaan boleh didakwa dan jika disabit boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

Di masa-masa kebelakangan ini terdapat banyak laporan-laporan yang tidak benar tersiar dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah baik yang diterbitkan dalam negeri mahupun dari luar negeri.

Nampaknya pihak akhbar dan majalah yang terlibat tidak menghiraukan kesan siaran berita yang tidak benar ke atas pihak atau golongan yang menjadi mangsa tindakan mereka atau kesan buruk ke atas keselamatan dan ekonomi negara.

Peruntukan baru ini adalah bertujuan menggalakkan pihak akhbar bersikap lebih bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa Pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 8A ini hanya dibuat dengan kelulusan Pendakwa Raya.

Dua peruntukan baru iaitu 8B dan 8C yang diwujudkan memberi kuasa kepada mahkamah untuk menahan dan menggantung mana-mana penerbitan dalam keadaan-keadaan tertentu.

Di bawah Seksyen 8B mahkamah atas permohonan Pendakwa Raya boleh memerintahkan pengharaman sesuatu penerbitan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan jika orang-orang yang terlibat dengan penerbitan itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam penerbitan itu.

Seksyen 8C pula memberi kuasa kepada mahkamah atas permohonan Pendakwa Raya menggantung sesuatu penerbitan sementara menanti keputusan muktamad sesuatu rayuan terhadap kes kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam penerbitan yang berkenaan.

(4) **Fasal 5**

Fasal 5 menggantikan subseksyen (1) kepada seksyen 9 dengan satu subseksyen yang baru. Di bawah subseksyen (1) baru ini, kuasa menolak pengimportan atau menahan penghantar serahan atau mengembalikan kepada pengirim mana-mana penerbitan yang tidak diingini atas sebab-sebab yang ternyata dalam subseksyen tersebut adalah diberi kepada Menteri. Di bawah peruntukan lama, kuasa itu diberi kepada pegawai kanan berkuasa. Tujuan pindaan ini adalah untuk meletakkan kuasa untuk menahan kemasukan sesuatu penerbitan di tangan Menteri. Walau bagaimanapun, bagi membolehkan penerbitan-penerbitan yang tidak diingini ditahan untuk dikaji dan dikemukakan bagi keputusan Menteri satu seksyen 9A baru telah diwujudkan mengikut Fasal 6. Seksyen baru 9A ini memberi kuasa kepada seseorang pegawai kanan berkuasa untuk menahan penghantar serahan satu-satu hasil penerbitan yang tidak diingini sementara menunggu keputusan Menteri.

(5) **Fasal 9**

Fasal 9 mewujudkan dua seksyen baru iaitu seksyen 13A dan 13B mengenai keputusan Menteri. Seksyen 13A memperuntukkan bahawa keputusan Menteri menolak permohonan membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad yang tidak boleh disoal dalam mana-mana mahkamah. Seksyen 13B menjelaskan

bahawa peluang untuk didengari tidak akan diberi kepada sesiapa berkenaan dengan permohonannya mendapatkan lesen atau permit atau berhubung dengan pembatalan atau penggantungan lesen atau permit yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini. Dengan wujudnya seksyen 13B ini, maka peruntukan metnberi peluang untuk didengar di dalam seksyen 13 perlu digugurkan. Pindaan sewajarnya dibuat pada seksyen 13 melalui Fasal 8.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebelakangan ini nampaknya menjadi kecenderungan di pihak akhbar menyiarkan berita-berita dengan tidak menghiraukan kesan buruk ke atas orang awam, keselamatan atau ekonomi negara. Pemberita-pemberita ghairah menyiarkan berita-berita yang menarik walaupun berita-berita itu tidak benar. Seringkali cerita-cerita yang bukan-bukan direka-rekakan seraata-mata untuk melariskan penjualan akhbar-akhbar mereka tanpa peka kepada keharmonian kaum atau ketenteraman awam. Adalah perlu gejala-gejala ini dibendung dan pihak-pihak akhbar didorong untuk bersikap bertanggungjawab. Inilah yang mendorong Kerajaan untuk mencadangkan peruntukan-peruntukan baru yang menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa yang menyiarkan berita-berita palsu dan niat jahat. Dengan pindaan ini maka usaha mengawal selia penggunaan mesin cetak dan penerbitan akan dapat diselenggarakan dengan lebih berkesan demi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Adalah diharapkan pihak akhbar akan dapat bersikap lebih bertanggungjawab dan memainkan peranan sebagai pendidik kepada para pembaca dan bukan sebagai pihak yang melaga-lagkan satu golongan dengan golongan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon raencadangkaa.

**Menteri di-Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan.

**5.25 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah satu Rang Undang-undang yang diwujudkan untuk menjaga ketenteraman awam dan kepentingan negara. Rakyat negara ini telah menyaksikan pelbagai siaran di dalam majallah-majallah, surat-surat-khabar dan sebagainya dalam tempoh dua tiga tahun yang lalu ini mengandungi penerbitan-penerbitan yang keterlaluan dalam semua aspek dan sedikit-sebanyak menimbulkan rasa kegelisahan di antara kita masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di negara ini telah dan akan dihebahkan oleh golongan-golongan yang raempunyai niat jahat, Dengan berita-berita yang tidak benar tanpa menghiraukan kesan-kesan siaran berita tersebut ke atas rakyat golongan tersebut telah berani berbuat demikian, kerana mereka tahu bahawa ruang ataupun undang-undang yang ada pada masa ini tidak kemas dan Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan terhadap mereka. Atau kalau didakwa sekalipun, mereka hanya dikenakan denda yang ringan sahaja. Dan mereka ini boleh bayar dengan perkataan, "Ah, enteng sahaja".



Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu Kerajaan berpendapat tentulah rakyat Malaysia yang telah merdeka sejak 30 tahun yang lalu mungkin telah matang dengan kelonggaran di dalam peruntukan undang-undang tersebut. Kerajaan kita tidak bermaksud untuk menyekat kebebasan rakyat kita dalam bidang penyiaran dan penerbitan kerana negara ini mengamalkan sistem demokrasi. Sikap liberal Kerajaan kita mungkin telah disalahtatsirkan sebagai lemah dan golongan yang mempunyai niat jahat itu telah tidak mengawal diri mereka dengan mengeluarkan bahan-bahan cetak yang negatif sekali dan bertujuan jahat kepada negara dan rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu, golongan yang pandai berpura-pura itu telah mencabar kuasa-kuasa Kerajaan dan menghalang fungsi Kerajaan dengan membawa kes-kes mereka di mahkamah. Mereka telah mengambil kesempatan dicelah-celah kelemahan undang-undang untuk mempermain-mainkan Kerajaan dengan mendakwa Kerajaan kita di mahkamah. Sebagai contoh, apabila pihak Kementerian membatalkan lesen mencetak dan penerbitan atau mengharamkan edaran majallah-majallah mereka yang mengandungi bahan-bahan cetak yang mengancam keselamatan negara, mereka akan menyaman Kerajaan di mahkamah pula. Ada kalanya pula pihak mahkamah menyalahkan Kerajaan dan rakyat. Jelata yang merasa bingung untuk memikirkannya.

Tuan Yang di-Pertua, sistem undang-undang seperti ini tidak sesuai lagi di Malaysia dan kita ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri yang telah mengambil daya usaha meneliti undang-undang cetak dan

penerbitan yang lama dan seterusnya meminda undang-undang tersebut demi kepentingan negara dan rakyat seluruhnya. Mungkin golongan yang mempunyai niat jahat terhadap negara dan rakyat sahaja akan menentang pindaan undang-undang tersebut kerana mereka tidak boleh mempermain-mainkan undang-undang negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh lagi, seorang pemberita asing telah sanggup masuk ke dalam hutan di Sarawak untuk raencari bahan-bahan berita mengenai kaum Penan di sana. Pemberita asing ini tentu sekali mempunyai niat untuk mencari keuntungan apabila beliau menghantar keluar bahan-bahan berita yang mungkin ditokoktambah untuk menyeronokkan pembaca-pembaca majallah yang dikeluarkannya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, pemberita asing ini sudah tentu akan menyentuh perkara-perkara sosial, kebudayaan, ekonomi dan politik negara ini. Mengikut pendapat saya sendiri, mengikut tafsirannya sendiri juga kerana dia berpendapat di dalam dunia ini dia adalah bebas mencari buah fikirannya tanpa menghormati undang-undang dan keselamatan negara ini. Satu hari nanti rakyat Malaysia yang berada di luar negeri pula akan membaca majalah-majalah pemberita asing ini dan akan mempengaruhi anak-anak muda itu yang sudah lama meninggalkan tanahair kita jika Kerajaan kita mengharamkan pengedarannya di negara ini. Mereka masih boleh mencabar Kerajaan kita di mahkamah. Di manakah salahnya, hendak disalahkan kita, Kerajaan atau pemberita?

Tuan Yang di-Pertua, kita bernasib baik kerana Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut amalan biasa untuk memperkemaskan dan memperkukuhkan peruntukan Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984. Bukanlah mudah untuk menggubal suatu undang-undang itu hatta untuk memindanya. Untuk meminda suatu undang-undang juga memerlukan kajian yang teliti dan mendalam serta terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin bahawa rakyat yang taat setia kepada negara ini sahaja akan senantiasa menyokong tindakan Kerajaan kita yang senantiasa bekerja kuat untuk menjaga kepentingan negara dan rakyatnya. Pindaan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan membayangkan hajat Kerajaan untuk mengawal golongan-golongan yang mempunyai niat jahat berselindung di belakang tabir kebebasan berakbar, bercakap dan sebagainya supaya mereka itu mempunyai tanggungjawab apabila membentangkan sesuatu pandangan mereka kepada

umum secara ikhlas, membina dan sihat, kerana tidak sesiapa pun boleh menafikan bahawa tiada sesebuah negara di dunia ini akan meraberi kebebasan 100% kepada pengeluaran atau penerbitan untuk menyebarkan perkara-perkara yang tidak benar kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan meminda Undang-undang tersebut adalah disokong demi keselamatan negara dan rakyat jelata.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, mungkin ramai lagi kawan-kawan saya yang ingin hendak bercakap. Jadi, dengan itu saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

#### **5.34 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama dengan rakan-rakan yang lain untuk menyokong suatu Akta untuk meminta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampailah masa dan ketikanya Undang-undang ini dipinda dan diluluskan demi menjaga keselamatan negara dan maruah bangsa kita sendiri. Sepertimana yang sedia maklum, akhir-akhir ini akhbar-akhbar begitu lantang menulis dengan berbagai-bagai tajuk yang kadangkala boleh memesongkan fikiran rakyat dan menjadikan keadaan yang tidak tenteram.

Contohnya, apa yang telah berlaku di hadapan kita baru-baru ini dengan berbagai-bagai isu yang telah timbul, maka segala-galanya disebarkan begitu luas di dada-dada akhbar dan dibaca oleh rakyat di setiap peringkat. Rakyat negara kita ini terdiri dari berbagai golongan. Bagi yang berfikiran luas, mereka dapat mengkaji dan menilai isi berita yang dibaca, tetapi bagi setengah-setengah rakyat kita yang cetek tahamannya, mereka menerima bulat-bulat apa yang ditulis, maka berlakulah sesuatu yang tidak diingini.

Kita harus memuji langkah Kerajaan yang begitu tegas dan cepat. Dalam segala gerakan menahau di bawah ISA, semasa itu juga menggantung tiga akhbar, kalau tidak silap saya, yang sedia maklum banyak menulis perkara-perkara yang boleh menimbulkan prasangka orang ramai. Dengan adanya Undang-undang ini, kuasa-kuasa yang lebih diberi kepada Menteri untuk terus bertindak di mana kalau kita merujuk kepada Fasal 8, seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong daripada sub-seksyen (1) perkataan-perkataan "tanpa memberi peluang kepada orang yang lesen atau permit itu dikeluarkan kepadanya untuk menunjukkan sebab mengapa lesen atau permit itu tidak patut dibatalkan".

Memang wajar, Tuan Yang di-Pertua, tafsiran ini dibuat kerana kalau kita fikirkan bahawa penerbitan itu tidak patut dan perlu digantung, tidak payah lagi mereka menyatakan mengapa sebab percetakan ataupun akhbarnya tidak boleh digantung. Di sini jelas kuasa mutlak kepada Menteri yang telah diberi.

Begitu juga dengan Fasal 9, Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 13 seksyen baru 13A dan 138 yang berikut:

"13A. (1) Apa-apa keputusan Menteri untuk menolak daripada memberikan atau untuk membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan oleh maha-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan pun,"

Saya rasa ini cukup jelas, tidak boleh lagi dipersoalkan untuk mereka merayu supaya penerbitannya dibenarkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, banyak benar akhbar-akhbar nyamuk terbit di negara ini, ada yang dua minggu sekali, sebulan sekali, seminggu sekali dan membuat beberapa rencana dan tulisan yang kadangkala tidak begitu sesuai dengan pemikiran kita, lebih-lebih lagi kepada pelajar-pelajar sekolah. Daripada cerita politik sampailah ke peringkat yang saya rasa tidak perlu didedahkan. Misal kata, kalau di Johor terdapat satu cerita dahulu ada ular keramat. Satu surat-khabar nyamuk mengeluarkan berita itu besar-besaran sampailah setengah pihak menganggap bahawa benar-benar ada ular keramat. Satu kawasan di Kempas yang tidak terkenal, dengan sebab tulisan akhbar nyamuk ini maka semua bertumpu ke sana dan menjadikan kawasan itu lebih terkenal. Daripada tempatnya belukar tidak dapat dilalui, jadi rata, licin, manusia menuju kerana hendak tengok bagaimana bentuk ular yang dikatakan keramat itu yang kononnya kembar daripada seorang gadis di sebuah rancangan FELDA di negeri Johor.

Jadi benda-benda yang macam ini, saya rasa boleh menimbulkan banyak masalah daripada segi agama Islam kerana kepercayaan-kepercayaan kita kepada benda-benda yang macam ini sudah berlawanan dengan agama Islam dan terpaksa pula Jabatan Agama Islam Johor mengeluarkan satu arahan melarang orang ramai mempercayai bahawa ada ular keramat di tempat itu yang kembarnya seorang gadis dalam sebuah rancangan FELDA.

Kemudian ada pula rencana, satu ruangan yang ditulis "Pengakuan". Dalam rencana ini juga kadang-kadang melahirkan satu yang tidak sesuai di mana seorang gadis membuat pengakuannya dan pengakuan ini disiarkan berbulan-bulan lamanya, riwayat hidup mereka daripada keadaan biasa sampailah ke ranjang yang tidak elok, tidak

patut diketahui oleh orang ramai, maka ditulis. Ini juga saya rasa dengan adanya Undang-undang ini nanti, akhbar-akhbar nyamuk ini harus juga dikaji dan kalau difikirkan boleh menyesatkan pemikiran orang ramai, seharusnya akhbar ini tidak usahlah diterbitkan, Kalau semata-mata hendak cari untung, hendak cari faedah daripada perbuatan itu yang boleh merosakkan generasi kita akan datang, lebih baiklah ditutup sahaja penerbitan tersebut.

Satu perkara Lagi saya rasa kita belum lupa, keluar satu rencana daripada majalah asing, kononnya Perdana Menteri hendak raen-jual Limbang di Sarawak kepada Berunei. Kalau Kerajaan kita tidak cepat menangkis perkara ini, mungkin pula suratkhobar-surat-khabar nyamuk atau suratkhobar-suratkhobar yang ada di tanah air kita ini membesar-besarkan hal ini dan juga menjadi satu kekeliruan kepada rakyat jelata sekalian. Saya rasa tepat pada ketika dan masanya undang-undang ini diluluskan bagi mencegah supaya tidak lagi merebaknya hal-hal yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira ramai lagi rakan-rakan saya yang hendak membahaskan Rang Undang-undang ini, maka setakat inilah sahaja yang dapat saya katakan dan saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Ainon.

**5.41 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Akta yang sedang di hadapan kltu pada petang ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya juga adalah turut menyokong penuh kepada satu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 **ini**. Sesungguhnya rakyat-rakyat yang cintakan kedamaian, ketenteraman, keselamatan yang menganggap bahawa bumi Malaysia inilah bumi tempat mereka hidup dan mati, yang merasakan bahawa Malaysialah tempat sebagai payung penaung, rasa amat lega, kerana semasa Akta ini dibentangkan di Dewan Rakyat, kita sempat meninjau pandangan setiap rakyat dari seluruh negara.

Saya katakan yang kasih dan cintakan kedamaian, yang kasih dan



cintakan keselamatan, yang menganggap negara ini tanah tumpah darahnya, watan yang dikasihinya. Kalau ada pihak yang tidak suka, bermakna dia tidak masuk di dalam golongan itu kerana mereka merasa selama ini Kerajaan kita lemah, Kerajaan kita terlalu sangat bertimbang rasa, dengan izin, lenient, terlalu liberal dengan hal-hal percetakan dan penerbitan ini, Kerana sebelumnya, kita kadangkala rasa terkejut bagaimana berapa akbar, majallah-majallah bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga di luar negeri begitu berani mengeluarkan kenyataan, laporan, cerita rekaan yang mengandungi unsur-unsur penghasutan, mengadu-dumbakan umpamanya di antara seorang tokoh dengan tokoh yang lain atau mengadu-dumba membangunkan perasaan marah, rasa tidak senang di kalangan rakyat terhadap pemimpin-pemimpinnya.

Kita tahu sebelum ini, bertahun-tahun lamanya Malaysia menghadapi keadaan-keadaan ini dan Kerajaan masih berkata, "kita beri mereka peluang". Menteri yang berkenaan, apabila disoal di dalam dialog atau apabila ia menghadapi penyokong-penyokongnya, bila ditanya kenapa tidak diambil tindakan kepada akhbar ini yang mengeluarkan kenyataan yang bukan-bukan, mengeluarkan fitnah, tohmah, maka Menteri itu akan berkata, kita akan memberikan peluang kepada pihak-pihak berkenaan supaya lebih berhati-hati dan Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sekiranya mereka ini keterlaluan. Perkataan "teragak-agak" ini hampir 3, 4 tahun kita dengar,

Syukurlah, sekarang yang teragak-agak itu sudah tetap dan sudah benar-benar dikotakan dengan mengemukakan undang-undang ini dan insya Allah, Dewan Negara juga akan menyokong penuh Akta yang berkenaan. Akta ini sesungguhnya adalah untuk melindungi dan untuk

mengemaskinkan beberapa peruntukan dalam Akta berkenaan supaya lebih berkesan, supaya dapat mengawal-selia penggunaan mesin cetak dan penerbitan bagi menjaga keselamatan, ketenteraman rakyat jelata sekalian. Ianya termaktub mengandungi bukan sahaja majallah, ataupun cerita-cerita yang mengadu-dumbakan yang berunsur anti kebangsaan, tetapi juga merangkumi makalah-makalah yang bertujuan jahat dan mempuyai kepentingan-kepentingan tertentu untuk merampas kuasa, untuk menghasut rakyat umpamanya.

Photograph - Menyiarkan gambar-gambar yang telah direkabentuk semula, dicantumkan gambar si A dengan si B yang berlainan jantina, lalu dikatakan ada skandal. Kemudian gambar-gambar lain yang raen-erminkan kelemahan-kelemahan negara kita dihantar ke luar negeri - rakyat yang miskin kedana yang tidak makan kerana kezaliman pemerintahan disiarkan di luar-luar negeri. Gambar entah di mana diambil, anak-anak kecil berkeliaran bertelanjangan, maaf, Tuan Yang di-Pertua, disiarkan photograph ini. Kemudian katon, karikatur, sebelumnya apabila sampai pemilihan-pemilihan di dalam parti terbesar di negara ini, cerutamanya parti UMNO, maka adalah akhbar-akhbar yang terlalu laris jualannya kerana menyiarkan kartun-kartun yang berunsur perlumbaan dan yang mengadu-dumbakan, yang berunsur merangsang fikiran dan perasaan orang ramai, terutamanya di kalangan penyokong-penyokong tokoh-tokoh yang dikartunkan itu. Nasiblah ada yang menjadi sebagai orang yang agak baik sedikit dihitungkan dalam kartun itu dan ada yang setengahnya dijadikan sebagai orang yang langsung tidak patut dihargai, disamakan pemimpin-pemimpin yang berkenaan dengan mereka yang berkelakuan jahat yang terkenal, tokoh-tokoh yang tidak mempunyai hemah dan tidak berkewibawaan.

Begitu juga mengenai laporan-laporan. Dalam perkara ini mengenai laporan ini kebanyakan laporan ini yang melarang tanpa tahu siapa yang mengirimnya - suratul-al-layang yang berbentuk laporan kononya melaporkan Menteri itu rasuah sekian banyuak, Menteri ini sekian banyak, Menteri itu ada rumah di luar negeri, Menteri ini begini, pemimpin itu cacatnya begini, pemimpin ini, ini tidak kena dan berbagai-bagai. Tidak ada penerbitnya, tidak ada ditulis siapa pencetaknya. Yang ini saya tidak faham bagaimana kita hendak kaitkan dengan Akta ini nanti. Disebut juga di sini, mungkin laporan-laporan yang ada pencetaknya sahaja yang akan dapat diambil tindakan, tetapi yang al-layang melayang itu saya tidak tahu bagaimana? Saya ingin bertanya kepada Menteri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri.

Kemudian nota-nota, bunyi, muzik, kenyataan-kenyataan, siaran, edaran, majalah-majalah. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit mengenai bunyi. Mungkin kita hairan mengapa bunyi pun termasuk dalam Akta pindaan ini. Sebenarnya bunyi juga boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah. Bunyi yang dimaksudkan di sini bukanlah bunyi letupan atau lain-lain, tetapi sejenis bayangan bunyi yang membayangkan sesuatu keadaan. Biasanya senang benar bunyi ini direkod, dirakam dan dijual secara haram ialah bunyi peristiwa di bilik-bilik. Bagaimana manusia sedang memadu asmara, bunyi-bunyi keluhan yang boleh menyebabkan khayalan di kalangan-kalangan yang mendengarnya dan merangsang pihak-pihak yang berkenaan.

Saya pernah sendiri mendengar tape yang berkenaan yang dibawa oleh seorang informer. Sesungguhnya memang menegakkan bulu roma. Saya rasa bunyi inilah yang dimaksudkan oleh Akta ini atau bunyi lain yang barangkali sebagai isyarat mengejek-mengejek seseorang.

Saya minta penjelasan panjang lebar sedikit daripada Timbalan Menteri muda kita yang begitu dedikasi dan begitu mantap perkhidmatannya untuk menjelaskan apa lagi agaknya istilah bunyi ini. Yang saya tahu dua sahaja. Pertama, bunyi yang merangsang nafsu. Kedua, bunyi yang mengejek-ejek. Kemudian muzik.

Muzik juga, Tuan Yang di-Pertua, mengambil peranan penting dalam mengganggu keteuteraan, btikan keselamatan - mungkin tidak sampai ke peringkat ke selamatan, tecapi ketenteraman iaitu muzik-muzik yang berunsur lucah, yang berbunyi boleh mengkhayalkan pendengarnya, pemainnya ke alam khayalan lalu membayangkan al-dadah, najis dadah dan kebanyakan anak-anak muda kita yang baru di peringkat pertama dalam penagihan suka benar dengaa miuzik-muzik ini. Malangnya, TV3 pun ada menyiarkannya. Muzik-muzik yang berbentuk khayalan yang mendendangkaa lagu-lagu di atas kayangan, yang tidak berjejak di bumi nyata, lagu-lagu yang mentbawakan penuh kepada keseronokan, kepada harapan-harapan dan ke semuanya bertema dan berbau asmara dana.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kenyataan-kenyataan. Kenyataan ini memanglah tidak dinafikan, hingga baru-baru inipun hampir-hampir berlaku rusuhan antara kaum kerana kenyataan-kenyataan, siaran-siaran dan juga penerbitan-penerbitan yang maksud dan tujuannya dimaklumkan di dalam Akta yang tersebut ini.

Tadi sahabat saya telah menyebut, antara lain, isu-isu yang telah dibangkitkan, yang merangsang fikiran rakyat, yang mengelirukan rakyat dan yang menyebabkan rakyat sesama sendiri berlaga. Umpamanya, isu Limbang yang disebutkan tadi. Isu jutawan-jutawan terkaya di dunia termasuk satu, dua pemimpin di Malaysia. Isu

Menteri Kewangan kita yang difitnahkan, isu Jambatan Pulau Pinang, isu Antah-BiWater, macam-macam isu lagi, apa sahaja rancangan Kerajaan untuk memberikan kenikmatan dan untuk memberikan ketenteraman, keselesaan kepada rakyat dieksploitasikan, bukan sahaja oleh mereka yang memang terkenal anti kebangsaan, tetapi juga mereka yang merupakan musuh di dalam selimut.

Hari-hari kita disumbat, didengar, didendangkan dengan perkara-perkara yang demikian. Majallah-majallah luar negeri yang pernah kita haramkan sebentar, kemudian oleh kerana beberapa tekanantekanan terpaksa kita benarkan balik penarikannya. Peristiwa FEER, umpamanya. Berlakulah cabar-mencabar dan kalam-kabutlah rakyat. Tak adalah kerja lain pemimpin-pemimpin kita daripada hendak menerangkan, hendak menjelaskan kepada rakyat, itu tak betul, ini yang betul, sana kata: itu tak betul, itu fitnah, ini buruk, ini buruk. Kita kata: ini baik, ini baik dan bilakah kita hendak merancang sesuatu rancangan yang baik untuk rakyat demi untuk meningkatkan perekonomian, pengembangan perekonomian, pengembangan taraf hidup, pelajaran, sihatan, keselamatan dan lain-lainnya. Baik sangatlah Akta ini, Tuan Yang di-Pertua.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah mengenai edaran majallah-majallah. Sesungguhnya kita berasa bangga dan kita rasa syukur kerana banyak sudah penerbit-penerbit majallah muncul di tanahiar kita ini. Berbagai majallah-majallah, majallah-majallah hiburan, majallah-majallah pelajaran, majallah bacaan, pengetahuan dan sebagainya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada juga majallah-majallah yang boleh merosakkan. Playboy, umpamanya, penuh gambar-gambarnya yang memberahikan, nekad, umur 10 tahun boleh tengok,

boleh nampak, boleh baca. Ini akan menimbulkan satu unsur yang boleh merendah atau memberikan keruntuhan moral kepada generasi-generasi muda kita.

Begitu juga ada majallah-majallah lain yang mempamerkan cerita-cerita filem star luar dan dalam negeri. Cerita-cerita yang banyak kaitannya dengan asmara, cerita-cerita yang berkaitan dengan keruntuhan akhlak, abang kawin dengan ipar; pak saudara kahwin anak saudara, sepupu berasmara, suami umpamanya, macam yang dipamerkaa dalam Dallas dan Dynasty. Cerita-cerita begini banyak dikeluarkan dan kadangkala pihak-pihak yang berkenaan itu tak tahu pun cerita itu dikeluarkan. Teraniayalah dia. Selepas itu dia marah, disue. Berlaku beberapa kali penganiayaan yang berunsur untuk melariskan jualan tanpa memikirkan akibat-akibat yang akan timbul darinya.

Di sini saya suka memetik apa yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri sebentar tadi yang menyebut: "bahawa mereka ini sebenarnya tidak memikirkan bahawa golongan yang menjadi mangsa tindakan mereka atau kesan buruk ke atas keselamatan dan ekonomi negara".

Memang betul, mereka tak fikir itu, Tuan Yang di-Pertua, mereka fikir adalah pertama, al-fulus, al-untung. Yang keduanya, memikirkan semoga dengan adanya perkara-perkara kontroversi seperti ini, penerbitan mereka akan berlarutan lakunya, pasarannya dan boleh juga menyebabkan beberapa matlamat-matlamat yang terselit halus dengan unsur perpecahan dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, semoga perkara-perkara ini akan dapat dikawal melalui Akta ini. Namun begitu, saya juga merayu dan mengharap semoga Akta ini tidak disalahgunakan, biarlah yang benar-benar menyalahi setiap inci, setiap seksyen pada Akta ini benar-

benar didapati sabit maka barulah diambil tindakan wajar dan diharap tidak ada penyelewengan mengambil tindakan dari segi undang-undang ini berlaku. Tetapi dalam Akta ini juga, telah menjamin bahawa semua perkara-perkara ini melalui Pendakwa Raya, walaupun Menteri dibcrikan kuasa, tetapi ada juga kuasa kepada Pendakwa Raya. Jadi, saya rasa mereka yang ada percetakan atau penerbitan tidak perlu bimbang. Kalau tak buat apa yang disentuh ini, insya Allah, takkan kena apa-apa, terbitkanlah majalah-majalah, terbitkanlah akhbar-akhbar mengikut undang-undang. Buatlah perkara-perkara yang rasional, jangan sensional. Jadi, kalau begitu selamatlah peniaga-peniaga yang mencari rezeki yang ada idea dalam penulisan keraaa ini juga penting, kita perlu juga bina media cetak ini ataupun saluraa makanan jiwa melalui pembacaan ini perlu juga dipupuk, perlu juga diberikan galakan, perlu juga diperkembangkan dan jangan pula mereka ini menjadi ketakutan atau serba salah. Negara kita sebuah negara yang pemerintahnya sangat adil.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah mengenai apa yang disebutkan di dalam Akta ini yang menjadi masalah ialah undang-undang yang tidak bertulis. Orang yang didakwa tidak mungkin tahu apa yang ada dalam pemikiran pengadil. Jika pengadil membuat rujukan kepada kes terdahulu di Britain atau lain-lain negara, yang didakwa tidak mungkin tahu yang mana satu kes yang akan menjadi punca rujukan, asas-asas kes-kes yang terdahulu tidak selalunya sama.

Ini satu perkara yang mungkin kita tidak titikberatkan tetapi ianya benar-benar juga mengancam kedamaian, ketenteraman, walaupun tidak sampai ke peringkat keselamatan kerana banyak terjemahan-terjemahan atau tafsiran undang-undang mengikut kepala pengadil berlakulah beberapa peristiwa yang tidak adil. Semoga undang-undang ini akan dapat menyelia, menyelaraskan dan mengawal keadaan itu daripada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksen 7 (1) dalam Rang Undang-undang ini menyebut iaitu:

"Jika Menteri berpuas hati bawah apa-apa hasil penerbitan mengaudungi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mengikut apa-apa juga cara memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai - saya sebut ransang tadi - atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara, dia boleh menurut budi bicara mutlakny melalui perintah yang disiarkan dalam Warta melarang, sama ada secara tnutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan, pencetakan, pengimportau, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil pengeluaran itu dan hasil-hasil pengeluaran tnsa hadapan penerbit yang berkenaan".



Saya sangat puas hati, dengan ini surat-surat yang akan diedarkan seperti surat berantai bila dapat kena dibuat 7, kalau tidak mati cepat, seperti surat-surat fitnah yang menyiarkan character atau kejahatan skandal seseorang lain sama ada perkara itu berasas atau tidak dipedulikan, siaran-siaran yang terlalu fanatik kepada satu-satu agama yang dibuat oleh pelampau-pelampau agama, tidak kira apa agama, surat-surat diedarkan kerana mereka tidak bertuhan, mengembangkan kefahaman yang tidak bertuhan atau ajaran-ajaran sesat.

Semoga dengan adanya Akta ini tidaklah lagi kita dengar cerita seperti buaya keramat, yang benarnya bomoh itu sendiri buaya yang sihat dan juga cerita-cerita tunggul, ada hikmat dan lain-lain lagi cerita yang kita dengar yang bukan-bukan yang mengorbankan moral, yang mengorbankan ketenteraman, memesungkan akidah-akidah, keagamaan terutama agama Islam dan lain-lain perkara yang membawa kepada keruntuhan peribadi seseorang kerana terlalu percaya kepada pengelilingan atau surat-surat edaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong penuh kepada Pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya. Sila.

**6.04 ptg.**

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang tersebut bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Walau bagaimanapun sebelum saya masuk membahaskan Akta ini izinkan saya mengambil peluang kesempatan ini kerana dalam perbahasan atas Belanjawan yang sudah saya cidak dapat menyampaikan ucapan, untuk berucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah memilih saya semula untuk Penggal Kedua duduk dalam Dewan ini. Terima kasih kepada semua yang berkenaan atas perkara tersebut.

Saya juga bersama-sama dengan rakan yang lain yang telah berucap adalah turut menyokong Akta Mesin Cetak dan Penerbitan ini. Sebagaimana yang telahpun tadi diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalah Menteri Dalam Negeri, keperluan Undang-undang ini dipinda daripada pengalaman-pengalaman yang telah berlaku yang khususnya di tahun yang sudah berkenaan dengan penyiaran yang diterbitkan dalam negeri ini dan juga yang didatangkan daripada luar negeri yang tidak mengambil kira sama sekali atas keselamatan dan juga ketenteraman negara ini menulis perkara-perkara yang boleh dipertikaikan, perpaduan kaum di negara ini yang akhir-akhirnya nyaris-nyaris sampai kepada mencetuskan satu keadaan yang tidak sama-sama kita ingini.

Walau bagaimanapun kita bersyukur kepada Allah keadaan tersebut dapat dikawal dan diatasi. Undang-undang ini setelah saya baca jelas menunjukkan tindakan yang dapat dibuat yang tidak dapat dipertikaikan lagi dengan hukuman-hukuman yang telah ditentukan di bawah Fasal-fasal tersebut.

Saya berharap perkara ini akan dapat diawasi dengan baik walaupun mungkin ada golongan-golongan yang berpendapat bahawa dengan adanya pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan ini seolah-olah menghapuskan kebebasan bersuara melalui tulisan dan

penerbitan. Tetapi kepada negara kita Malaysia ini satu negara yang didiami oleh berbagai kaum, kebudayaann dan kepercayaan, kawalan perkara ini terlalu penting mengawalselia dalam bahasanya tadi kepada penerbitan-penerbitan yang dikeluarkan di negara ini dan juga yang didatangkan dari lain negara.

Sebentar tadi Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin ada bercakap soal bunyi, apakah dia bunyi-bunyi, ada bunyi yang memeransangkan, ada bunyi yang mengghairahkan tetapi yang saya tahu yang mengancam keselamatan negara bukan bunyi itu ialah apabila menjelang pilihanraya kita akan dapat keset-keset yang dimainkan di tepi jalan, ucapan-ucapan parti-parti pembangkang yang tidak segan silu di kaki lima mencaci Kerajaan, mencaci pemimpin dan berbagai-bagai lagi. Bukan sahaja di kaki-kaki lima tetapi juga saya pernah bertemu di satu majlis perkahwinan disebelah utara sana ia tidak main muzik lagu-lagu tetapi ia memainkan keset yang menghentam Kerajaan seperti 30 tahun negara ini merdeka tidak ada satu yang baik pun yang dibuat oleh Kerajaan, kalau dahulu jalan kampungnya tidak ada tar, tidak ada air, tidak ada api, tidak juga nampak semua yang baik yang telah dibuat oleh Kerajaan. Inilah lagu yang dimainkan sepanjang masa majlis kenduri kahwin itu. Ini bunyi yang boleh merosakkan perpaduan, ini bunyi yang boleh mengganggu keharmonian" dan ini jugalah bunyi yang menggugat Kerajaan. Tetapi sepanjang masa itu tidak ada apa tindakan yang dibuat oleh Kerajaan mungkin kerana tidak ada Akta yang khusus untuk membendung keadaan demikian. Dengan Akta yang ada pada hari ini dapat kita menyelesaikan masalah tersebut dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh penerbitan ini, sebenarnya bidang penerbitan ini adalah salah satu daripada bidang ekonomi, bidang untuk mencari rezeki yang boleh dapat dibuat jika mengikut saluran yang betul. Kita banyak ada penulis, kita ada banyak ahli-ahli yang bijak pandai yang boleh memberikan tulisan yang baik baik. Kalau kita juga terpaksa menyekat mereka, menyekat bakat mereka, ia juga akan menyekat banyak bakat yang boleh menerbitkan buku-buku, menerbitkan rencana dan makalah, menerbitkan majalah yang akan dapat dibaca oleh rakyat. negara ini, Ini juga perlu dilihat daripada sudut ekonomi yang lain yang ternampak hari ini berbagai-bagai majalah dan keluaran di negeri ini yang sebahagian besarnya diusahakan juga oleh anak-anak negara ini. Jadi hanya kepada penulisan-penulisan dan makalah-makalah yang dikatakan tadi yang boleh memudaratkan keadaan negara kita yang boleh memudaratkan kepada ketenteraman yang akan kita awasi dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman melalui penerbitan ini bukan sahaja berlaku dalam negara kita, baru-baru tadi saya dengar satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Penerangan kita yang mengatakan bahawa ramai wartawan-wartawan dalam negeri ini dahulu berkhidmat di negeri ini pindah ke negeri-negeri luar atau keluar negeri, mereka telah menulis di sana memburukkan imej Kerajaan, memburukkan imej pemimpin-pemimpin negara kita. Jadi, mereka tidak dapat bergerak dalam negara ini mereka keluar keluar negeri untuk berbuat demikian. Jadi, mungkin nanti tulisan mereka ini melalui majalah-majalah yang akan diimport ke mari nanti yang akan dibaca oleh rakyat, oleh itu saya berharap khasnya kepada Kementerian Dalam Negeri supaya majalah itu jangan dibaca dahulu oleh rakyat, ditapis dahulu sebelum masuk. Kadang-kadang ia keluar dahulu, baru ditahan semula, benda ini sudah dibaca oleh ramai orang, baru diambil tindakan untuk menyekat, menahan majalah-majalah yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pendapat Puan Ainon Arifin tadi minta satu definasi surat layang, surat layang tidak ada pencetak - dia tabur sahaja. Jadi, banyak surat-surat layang juga yang merusakkan imej, merusakkan peribadi bukan sahaja kepada pemimpin-pemimpin yang di atas tetapi banyak terlibat lagi. Saya pernah melihat gambar - ada photo - ada katon. Gambar muka orang itu betul muka dia, dipotong tetapi badannya orang lain. Teknik seni photo hari ini boleh dibuat. Jadi, muka orang itu memang muka dia, badannya orang lain. Maaf cakap, Tuan Yang di-Pertua, gambar ini diedarkan tanpa memakai seurat benang kain pun. Ini berlaku satu daripada cara mana untuk membunuh keperibadian

seseorang. Ini pernah berlaku di negara kita bukan tidak pernah berlaku - banyak berlaku. Jadi, surat layang dan ini juga semua di mana kita akan dapat puncanya - gambar demikian ini yang boleh memburukkan, yang boleh merusakkan peribadi seseorang khususnya kepada pemimpin-pemimpin yang kita banggakan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar banyak orang-orang yang pandai menulis dan ada syarikat-syarikat cetak yang boleh mencetak buku-buku dalam sekejap masa sahaja tidak payah lama dan mereka akan jual buku ini.

Sepertimana saya sebutkan tadi dalam perhimpunan-perhimpunan parti Barisan Nasional khususnya yang besar, yang memerintah ini khususnya UMNO, kalau kita tengok berbagai-bagai buku yang dikeluarkan yang tidak tahu di mana source beritanya, hanya ditulis semata-mata tetapi buku ini juga tidak pernah disekat, terus-menerus disimpan kecuali ada perintah-perintah mahkamah di mana buku-buku tersebut tidak dapat diedarkan atau dijual. Kesemuanya ini memerlukan pengawasan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Undang-undang yang ada di depan kita pada petang ini ialah satu Undang-undang yang lebih kemas, satu Undang-undang yang dapat kita bertindak dengan sertamerta dan walaupun demikian, kepada pihak-pihak yang berkuasa supaya memberikan perhatian yang cukup teliti sebelum sesuatu tindakan yang patut kita buat.

Sepertimana saya katakan tadi bahawa undang penulisan, bidang penerbitan juga adalah satu bidang ekonomi yang dapat menampung banyak pekerja-pekerja dan juga penghidupan manusia, hanya kepada mereka yang sengaja mengada-adakan perkara demikian yang tidak patut diadakan yang saya katakan tadi boleh menimbulkan keadaan tidak

tenteram, yang boleh menggugat keamanan, yang boleh memudaratkan negara kita inilah yang sepatutnya dapat kita sekat serta-merta sebelum perkara ini berlanjutan yang akan digunakan oleh anasir-anasir yang memang tidak suka kepada keadaan aman dan harmoni negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat bercakap panjang dan saya menyokong Akta tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Sila,**

**6.18 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama-sama dengan rakan-rakan untuk membincangkan Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini.

Saya berasa syukur kepada Allah kerana kesedaran kepada pemerintah kita atau pemimpin-pemimpin kita yang mana perkara yang kita bincangkan ini telah memudaratkan banyak orang.

Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri yang telah membentangkan Akta ini di Dewan Rakyat dan kepada Timbalan Menteri Yang Berhormat Dato' Megat Junid di Dewan Negara ini yang begitu sah ataupun terang kita dengar tadi ulasan-ulasannya. Itulah yang saya ingin mengambil bahagian sedikit untuk memperkatakan sesuatu dalam Dewan yang mulia ini. Dengan adanya pindaan ataupun kuatkuasa Akta ini nanti yang mana penuh dalam kuatkuasa Menteri, saya rasa satu perlindungan yang baik kepada pencetak-pencetak dan mengurangkan kepada orang-orang yang mencetak yang berluasa.

Sebagaimana kata rakan-rakan saya tadi yang mana apabila menjelangannya satu-satu perhimpunan, perkara-perkara cetak berluasa, begitu juga akhbar-akhbar pada hari ini atau majalah-majalah. Kadang-kadang kita lihat, kita hendak beli; bila kita beli, kita hendak baca; bila kita baca bukan kerana seronoknya kita berpeluh tetapi kerana panas hati. Kita nampak dan jelas, hendak katakan fitnah itu boleh juga dikatakan fitnah kadang-kadang. Maka inilah yang dijual kepada rakyat yang menjadi hasil kepada pencetak-pencetak untuk hendak mencari makan. Maka dengan adanya Akta ini apabila dikuatkuasakan nanti, kita harap perkara yang sedemikian tidak berlaku.

Ada lagi di dalam Akta ini juga menyatakan fasal muzik. Saya tidak tahulah muzik ini tidak termasuk juga cetak rompak, ini mungkin masuk. Kita banyak penyanyi-penyanyi pada harl ini yang benar-benar mereka mencari makan dengan hasil menyanyi dan mereka ada syarikat-syarikatnya yang tertentu yang dibayar hasil kepada Kerajaan, tetapi apa telah jadi kepada penyanyi-penyanyi ini? Mereka jmenyanyi menggubah lagu, membuat rekod, belum sempat diedarkan lagu-lagu ini telah dijual oleh orang lain. Ini juga patut kita ambil perhatian, kerana orang yang buat secara halal itu tidak dapat keuntungan, tetapi yang perompak itu lebih kaya daripada orang yang menjalankan kerja-kerja dia sendiri. Ini patut kita ambil perhatian, kita patut bela juga penyanyi-penyanyi ini kerana kita juga minyat menyanyi.

Sebagaimana kata Yang Berhorraat yang bercakap tadi, lagl satu kaset yang dikeluarkan oleh orang yang tak tahu siapa, kita tak tahu hendak cari siapa dia pencetaknya, membuat kasetnya, syarahan-syarahan, mengeluarkan tmacam-macam perkara fasal agatna dijual di kampung-kampung. Orang yang kurang pengalaman dia memang seronok beli, dipasanglah kaset itu, Maka keluarga itu, kampung itu terpengaruhlah dengan keadaan itu, rosak, kita juga rugi; yang halal tak boleh berjalan, yang haram itu sentiasa maju. Banyak lagi yang patut kita perkatakan di dalam Akta ini.

Setelah Akta ini nanti dikuatkuasakan, saya amat berpuas hati kerana kuatkuasa kepada Menteri mesti mendapat permohonan pendakwara, jadi kita sungguh kuat, sungguh teguh.. Hanya yang saya minta dan pohon pelaksanaan kita harap tegas. Kalau tegas tindakan dan pelaksanaan Akta ini, maka banyaklah orang yang berjaya pada masa yang akan datang.



Berkenaan dengan surat-suratkhabar ini, baru-baru ini tiga, kalau tak silap saya, tetapi patut disemak lagi, mungkin ada lagi yang mengelirukan, yang menyakitkan hati, yang merosakkan fikiran kepada rakyat, Setengah itu dia tak mahu beli yang elok ini, yang tak elok itu yang dia suka beli dan dia baca dan dia menghayati perkara-perkara sedemikian, maka rusak perkara itu berlarutan. Jadi patut kita semak dan haramkan perkara-perkara yang semacam itu.

Saya juga tidak akan mengambil masa yang panjang, dengan ini saya menyokong penuh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987, Sekian, teriroa kasih.

#### **6.24 ptg.**

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya banguni untuk menyokong Akta yang berbunyi Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan Akta ini Kerajaan akan dapat mengemaskini dan memperketatkan Rang Undang-undang ataupun Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Baru-baru ini Kerajaan telah mengambil tindakan menggantung ataupun membatalkan lesen penerbitan tiga buah suratkhobar, iaitu the Star, Sin Chew Jit Poh dan Watan. Saya berpendapat pembatalan lesen kepada suratkhobar yang saya sebut tadi memang ada benar, ada setengah-setengah kenyataan yang dikeluarkan ataupun yang diterbitkan di ketiga-tiga suratkhobar ini ada sesuatu kenyataan yang menyinggung perasaan syak wasangka di antara satu kaum dengan lain. Dan pada surat-suratkhobar yang telah dibatalkan lesen ini, saya pun difahamkan bahawa jumlah pekerja-pekerja yang dalam keadaan pengangguran adalah lebih kurang 1,200 orang, termasuk wartawan-wartawan dan lain-lain dan ia telah menjejaskan pendapatan lebih kurang 500 keluarga yang mempunyai lebih kurang 3,000 orang ahli-ahli keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan kepada Star, pekerja-pekerja mereka pada masa sekarang cuma mendapat 25% gaji dan menghadapi kerugian lebih kurang \$200,000 sehari. Pada Sin Chew Jit Poh pula, pekerja-pekerja mereka cuma mendapat 50% gaji.

Sebenarnya kita semua bersimpati dengan pekerja-pekerja yang ada dalam ketiga-tiga akhbar ini.

Saya bercadang kepada Kementerian yang berkenaan, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri bertindak di atas penerbit-penerbit ataupun penyunting-penyunting berita atau pengarang-pengarang berita yang kurang tanggungjawab, yang sentiasa suka mengeluarkan ataupun menerbitkan berita-berita yang mengelirukan masyarakat kita. Di mana-mana keluarga pun mesti ada kambing-kambing hitam. Dalam keluarga wartawan ataupun percetakan penerbitan pun juga ada kambing-kambing hitam. Oleh itu Kerajaan harus mengambil tindakan mendakwa ataupun ambil tindakan cerhadap orang-orang seperti pengarang-pengaraag berita, peuyunting-pcnyunting berita yang kurang bertanggungjawab, bukan kerana segelintir kecil yang kurang bertanggungjawab maka seramai 1,200 orang pekerja bersama-sama terkorban menghadapi hukuman yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun juga difahamkan ada setengah-setengah wartawan daripada ketiga-tiga akhbar ini kerana lesen penerbitan akhbar ini telah digantung dan merika terpaksa menanggung keluarga sendiri dan terpaksa menjadi penjaja pada hari ini. Juga kita bersimpati kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya juga berpendapat kalau mengikut kamus yang ada dalam tangan saya, istilah sebagai seorang wartawan ialah pemberita ataupun orang yang mencari berita untuk akhbar atau majallah. Jadi selain daripada membatalkan lesen

daripada sesuatu akhbar, sebenarnya Kemeaterian yang berkenaan juga patut mencari punca mana akhbar-akhbar yang berkenaan datang. Kemungkinan setengah-setengah ahli politik suka menggunakan sesuatu isu untuk mempopularkan diri dalam sesuatu parti, maka mengeluarkan sesuatu kenyataan ataupun cakapan yang akan menyinggung perasaan sesuatu kaum. Maka kadangkala sebagai seorang wartawan melaporkan apa yang telah disebutkan oleh seseorang ahli politik yang tersebut. Oleh itu kalau Kerajaan hendak menyalahkan akhbar, maka ada setengah-setengah ahli politik juga harus diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini bukan saya cuba hendak merayu kepada ketiga-tiga akhbar yang telah dibatalkan lesen, cuma saya suka raenyebut di sini iaitu dengan pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 maka kuasa yang lebih besar akan diberi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri supaya memperketatkan Akta ini dan dengan kuasa yang penuh mempertimbangkan rayuan daripada ketiga-tiga akhbar ini untuk membenarkan mereka menerbitkan semula surat-suratkhabar mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa pun sudah 6.30 petang.

**Tuan Ng Peng Hay:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** -Sedikit lagi, habiskan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita yakin dan percaya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri bahawa dengan kebijaksanaan Menteri yang berkenaan dapat memberi pertimbangan sama ada akan memberi semula lesen yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga suka saya menyentuh sedikit berkenaan dengan setengah-setengah 'press media' di negara-negara asing. Baru-baru ini di mana Kerajaan telah mengambil tindakan tentang Akta ISA, tentang tangkapan beberapa orang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa minit kira-kira ini?

**Tuan Ng Peng Hay:** Dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya sebut di sini berkenaan dengan beberapa press media di seberang laut, contohnya di Taiwan. Ada surat-suratkhabar yang sengaja memutarbelitkan apa yang sebenarnya berlaku di negara kita tentang tangkapan beberapa orang ahli politik di bawah Akta ISA, Maka dengan tidak bertaanggungjawab press media di negara asing ini telah menakutkan beberapa orang pelabur-pelabur yang ingin datang melabur di negara kita. Oleh itu saya berharap haruslah Kerajaan kita mengambil tindakan melalui Kementerian yang berkenaan membuat penjelasan yang jelas dan gambaran yang sebenarnya kepada pelabur-pelabur asing bahawa press media yang memutarbelitkan berita yang benar ini sepatutnya mendapat penjelasan kepada pelabur-pelabur asing.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah sampai dua minit!

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, oleh itu di sini, kerana masa pun sudah sampai, saya sekali lagi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau mahu boleh sambung lain hari.

**Tuan Ng Peng Hay:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, masanya sudah sampai.

Majlis ini ditangguhkan sampai hari Isnin, 14hb Disember, 1987, jam 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**